ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BETA memang berazam untuk melihat Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir." - Titah sempena Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda ke-62 tahun, di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 23 Rejab 1429 / 26 Julai 2008.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu." - Surah Al-Maa-Idah ayat 19.

TAHUN 55 BILANGAN 51 | 13 رجب 1431 26 JUN 2010 | Pelita Online Harian : http://www.pelitabrunei.gov.bn | Emel : pelitabrunei@information.gov.bn | Hotline : 2383941 Faksimile : 2381004 | EDISI SABTU PERCUMA

## Kementerian Pembangunan membina 10,000, BEDB 7,500

# 17,500 rumah akan dibina

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

*"DENGAN cara ini pengagihan tanah bukan sahaja bagi tujuan perumahan tetapi juga bagi kegunaan yang lebih produktif seperti pertanian dan perindustrian."*

**- Menteri Pembangunan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi berkata sebanyak 10,000 buah rumah akan siap dibina oleh Kementerian Pembangunan sehingga tahun 2012, manakala sebanyak 7,500 buah rumah lagi akan siap dibina sehingga tahun 2014 iaitu dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Walau bagaimanapun tambahnya, sebanyak 17,500 rumah tersebut hanya dapat menampung separuh sahaja daripada senarai menunggu yang ada dan ini tidak termasuk keperluan generasi akan datang.

Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha memperbaiki sistem dan dasar dalam menyediakan serta mengagihkan rumah tempat tinggal sendiri di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ).

Menteri Pembangunan menyatakan perkara tersebut semasa melancarkan Majlis Sambutan Jubli Emas Jabatan Tanah (1960 - 2010) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Untuk meningkatkan jumlah rumah yang boleh dibuat dan untuk mempastikan penjimatan tanah, jelas Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini menimbangkan untuk membina perumahan awam secara *'vertical development'* atau pun pembangunan secara bertingkat selepas tahun 2012.

Ke muka 24





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri) Yang Berhormat Julia Gillard, Perdana Menteri Australia yang baru.

## Kebawah DYMM utus tahniah kepada PM Australia yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Berhormat Julia Gillard, Perdana Menteri Australia yang baru, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Australia.

Dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Yang Berhormat akan memperolehi kejayaan besar dalam jawatannya yang baru dan baginda juga berharap akan dapat bekerja dengan Yang Berhormat untuk mengukuhkan perhubungan yang sangat baik yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara, di samping meneruskan kerjasama serantau yang erat.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda mengucapkan salam muhibah kepada Yang Berhormat.

# Pelajari sejarah bangsa untuk maju ke hadapan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Negara-negara maju yang ingin mencapai kemajuan, tidak mengenepikan pengaruh faktor sejarah sebagai pemangkin kemajuan, kemakmuran dan kegemilangan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair berkata, dalam dunia globalisasi dan teknologi infokomunikasi (ICT), sejarah tetap memainkan peranan utama dan penting dalam pembangunan bangsa dan negara.

"Kita belajar daripada sejarah bangsa dan negara untuk maju ke hadapan. Kita berpegang dan berpandukan kepada sejarah untuk menentukan hala tuju pembangunan dan kemajuan yang ingin kita capai," jelasnya semasa lawatan kerja ke Pusat Sejarah Brunei.

Ke muka 24

DI DALAM

Muka 4



SEJUMLAH BND59,892 berjaya dikutip melalui SMS Brunei Prihatin bagi DANA tahun 2009 - 2010

Muka 6



FIKIRKAN Kesihatan - Bukan Dadah

'DADAH PEMUSNAH DIRI, KELUARGA DAN NEGARA'

BKN

Pesanan daripada Biro Kawalan Narkotik

Talian Penting : 8777444

## Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan mengurniakan hadiah Pertandingan Al-Qur'an



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Senegara yang berlangsung pada 25 Jun 2010, di Tingkat 4, Ballroom Hua Ho Mall, Manggis, Bandar Seri Begawan. *(Berita lanjut dan gambar-gambar di muka 3)*. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Pelita BRUNEI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

# Bersama memakmurkan masjid

SEBAGAIMANA yang kita sama-sama maklum, bahawa perkara pertama dan yang utama dibuat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam peristiwa penghijrahan Baginda dari Mekah Al-Mukarramah ke Al-Madinah Al-Munawwarah apabila Baginda sampai ke Madinah ialah membina masjid yang dipanggil Masjid Quba. Langkah seperti inilah juga yang diikuti oleh sultan-sultan Brunei sepanjang zaman iaitu membina masjid di mulai oleh Sultan Sharif Ali, sultan Brunei yang ketiga, kemudian Sultan Saiful Rijal, sultan Brunei yang ke-7. Di zaman kita ini, dua orang sultan sangat mengambil berat terhadap pembinaan masjid iaitu Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan meninggalkan legasi mereka iaitu Masjid Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Masjid Asri Hassanil Bolkiah yang sedang kita lawati ini. Kedua-dua masjid ini terkenal di Asia Tenggara, bahkan di dunia Islam dan bukan Islam.

Dalam dunia Islam ada tiga buah masjid yang umat Islam digalakkan mengunjunginya iaitu, Masjid Al-Haram di Mekah, Masjid Al-Nabawi di Madinah dan Masjid Al-'Aqsa di Pelestin. Ini menunjukkan bahawa masjid menjadi nadi umat Islam dan masjid itu dijiwai oleh kegiatan-kegiatan di dalamnya, yang bukan sahaja berupa ibadah solat, tilawah Al-Qur'an, berzikir, malah juga diadakan di dalamnya permuzakarahan, ceramah, pendidikan pelbagai ilmu-ilmu duniawi dan ukhrawi seperti Fiqh, Tauhid, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan sebagainya, asalkan ilmu-ilmu itu tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.

Dengan penjelasan di atas, nyata bahawa institusi yang namanya masjid itu sangat berperanan dalam kehidupan umat Islam. Oleh itu apakah tugas kita untuk memakmurkan masjid, adakah masjid-masjid itu akan kita biarkan statik dan bisu, sudah tentu tidak. Maka untuk memakmurkan masjid, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Masjid di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak hampir dua dekad yang lalu. Bagi saya sekurang-kurangnya ada tujuh faktor yang turut mempengaruhi atau menyebabkan kaum muslimin ingin mendatangi sesebuah masjid, selain tiga buah masjid yang saya sebutkan di atas iaitu:

1. Masjid yang memiliki seni bina yang indah;

2. Masjid mesra alam yang mempunyai landskap dan *'environment'* yang menarik;

3. Masjid yang Khutbah Jumaatnya disampaikan dengan menarik;

4. Masjid yang *'muazzin'* atau bilalnya mempunyai suara yang merdu;

5. Masjid yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang menarik;

6. Masjid yang mempunyai kepimpinan imam yang berwibawa;

7. Masjid mesra masyarakat.



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman sempena lawatan ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong pada hari Rabu, 14 Jun 2010.

***'MUAZZIN' sesebuah masjid yang memiliki suara yang merdu juga mampu menarik kaum Muslimin sebagai contoh Bilal bin Ribah di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terkenal dengan suaranya yang merdu yang dapat mempesona pendengarnya, saya kira jika diikhtiarkan tidak mustahil untuk kita memiliki 'muazzin-muazzin' yang bersuara merdu serta fasih.***

Jika kita menganalisa keenam faktor di atas, faktor yang pertama iaitu mengenai seni bina, saya rasa ia bukan di bawah kawalan kita tetapi di bawah kawalan pihak yang tertentu yang pakar dalam seni bina. Tetapi faktor-faktor lainnya saya rasa dapat kita usahakan memperbaikinya, misalnya supaya sesebuah masjid itu menjadi masjid mesra alam, maka perlulah dihiaskan dengan bunga-bungaan, berkeadaan bersih, senang mata memandang, rumputnya sentiasa menghijau bagai karpet yang terhampar. Khutbah yang menarik juga menjadi perhatian orang ramai iaitu khutbah yang dibaca serta dihayati oleh khatibnya dengan baik, disampaikan dengan nada-nada suara yang bersesuaian bukannya mendatar sepanjang berkhutbah sehingga menyebabkan para jemaah mengantuk, bacaan ayat-ayat Qur'an dan hadisnya betul dan fasih, bukan terlanggar-langgar. '*Muazzin'* sesebuah masjid yang memiliki suara yang merdu juga mampu menarik kaum Muslimin sebagai contoh Bilal bin Ribah di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terkenal dengan suaranya yang merdu yang dapat mempersona pendengarnya, saya kira jika diikhtiarkan tidak mustahil untuk kita memiliki *'muazzin-muazzin'* yang bersuara merdu serta fasih. Adanya aktviti yang pelbagai serta bermanfaat bersifat ilmu atau bersifat riadah juga boleh menarik kaum Muslimin datang ke masjid, khasnya para remaja yang mana matlamatnya ialah untuk memakmurkan masjid dan bersolat beramai-ramai apabila tiba waktunya. Begitu juga adanya sahsiah dan kepimpinan imam yang berwibawa, mesra jemaah, berilmu, berakhlak, serba boleh, pastinya akan disukai ramai dan akan dihormati oleh para jemaah. Memandangkan kedudukan imam ini sangat penting dalam masyarakat, mungkin bersesuaian saya katakan mungkin, kalau diwujudkan satu anugerah seperti *'Anugerah Imam Contoh'* atau *'Anugerah Kepimpinan Imam'* yang boleh mendorong para imam meningkatkan kualiti masing-masing sebagai mana juga anugerah-anugerah lain yang telah wujud dan *established*. Rumusan dari keenam faktor di atas ialah akan suburnya faktor terakhir iaitu mesra masyarakat di mana masyarakat akan merasa senang dan gembira untuk mendatangi masjid.

Insya-Allah, saya percaya jika tujuh faktor yang saya nyatakan di atas diambil perhatian sebagai langkah awal, saya berkeyakinan persepsi masyarakat terhadap masjid akan berubah dan dengan demikian akan membawa kecemerlangan kepada masjid dan secara tidak langsung akan turut mengangkat nama negara kita sebagai sebuah negara Islam yang menuju ke arah negara aman makmur dan sejahtera.

***TUJUH faktor yang mempengaruhi atau menyebabkan kaum Muslimin ingin mendatangi sesebuah masjid:***

***1. Masjid yang memiliki seni bina yang indah;***
***2. Masjid mesra alam yang mempunyai landskap dan 'environment' yang menarik;***
***3. Masjid yang Khutbah Jumaatnya disampaikan dengan menarik;***
***4. Masjid yang 'muazzim' atau bilalnya mempunyai suara yang merdu;***
***5. Masjid yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang menarik;***
***6. Masjid yang mempunyai kepimpinan imam yang berwibawa;***
***7. Masjid mesra masyarakat.***


## Sidang Pengarang

**Ketua Penyuntingan**
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

**Pemberitaan**
Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Shari Haji Garib,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra, Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime,
Dk. Aliiyah Majiidah Pg. Haji Ali

**Penyuntingan**
Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

**Penyelaras dan Reka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

**Pereka Letak**
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree





26 JUN 2010 BERSAMAAN 1431 رجب 12

## MEMIMPIN NEGARA, RAKYAT KEKAL BAHAGIA SEPANJANG ZAMAN

KINI sudah hampir 43 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Dalam jangka masa pemerintahan baginda itu negara telah mengalami kemajuan dan pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang. Dengan kebijaksanaan, karisma kewibawaan dan ketokohan baginda bumi Darussalam bertambah-tambah makmur, sejahtera dan aman bahagia. Melalui pimpinan dari singgahsana yang bertunjangkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), baginda telah meletakkan kedudukan negara yang tertinggi dalam carta dunia antarabangsa. Bagindalah yang telah meletakkan negara sebaris dengan negara-negara maju dalam peta dunia. Karisma dan ketokohan baginda disanjung pemimpin kuasa besar dunia. Hatta baginda terus bekerja kuat bagi kemakmuran negara tanpa mengenal erti penat lelah tetap berusaha gigih ke arah membawa sinar kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara kita.

Baginda tidak pernah ingkar apatah lagi lalai dari janji-janji yang baginda titahkan dalam titah sulung baginda pada 4 Oktober 1967, malah baginda saban hari bekerja penuh gigih, bekerja penuh kuat dan lutanan sehingga hasilnya kitani selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda menikmati segala macam kebajikan dan kesejahteraan yang tidak ternilai. Rakyat menikmati segala-galanya. Basar damit rakyat jelata mengecap segala bentuk kesejahteraan, keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berkekalan hingga ke hari ini meskipun dunia diwarnai rencah kemelut ekonomi, krisis kewangan global dan kenaikan harga barangan. Namun, kita alhamdulillah di bumi Brunei terus saja aman sentosa. Kita sepatutnya bersyukur bernegarakan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kecil molek dan penuh dengan cahaya kemakmuran dan kedamaian. Boleh dikatakan tidak seorang pun 'jelama' dari sebesar-besarnya hingga ke anak damit terlepas dari menikmati hasil 'buah' pembangunan. Semua rakyat 'ampit' dan tidak terkecuali daripada menghirup nikmat kesejahteraan dan ketenteraman. Malah baginda mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dari segala-galanya. Baginda seorang raja yang berjiwa rakyat, seorang raja yang penyayang dan pemedulian terhadap kebajikan rakyat jelata tidak mengira di mana, baginda tetap memimpin rakyat kekal bahagia sepanjang zaman.

Baginda menjadi simbol kesayangan rakyat jelata. Ini dapat diterjemahkan di mana baginda sering saja berangkat bercemar duli menemui rakyat baginda bukan sahaja dalam acara-acara rasmi negara seperti keberangkatan lawatan ke mukim dan kampung, ke kementerian dan jabatan kerajaan, ke institusi-institusi pengajian, majlis bersama rakyat di keempat-empat buah daerah, malahan pada setiap hujung minggu setiap tahun iaitu pada hari Jumaat yang mubarak, baginda akan berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di masjid-masjid di seluruh negara. Tegasnya baginda tidak memusatkan untuk bersembahyang Jumaat di sebuah masjid sahaja akan tetapi baginda berkunjung ke masjid-masjid hatta hingga jauh ke pedalaman. Ini menunjukkan betapa baginda sayangkan rakyat jelata. Betapa baginda kasihkan semua lapisan rakyat. Melalui keberangkatan seperti ini yang tidak formal inilah baginda bukan sahaja dapat beramah mesra tetapi yang penting baginda berinteraksi secara 'live' tanpa dibatasi dengan protokol. Baginda mendapatkan maklumat dan bertanyakan khabar kepada rakyat baginda. Selain itu, baginda secara langsung dapat melihat penghidupan rakyat jelata dengan gambar landskap yang lebih jelas dan terkini.

Inilah kehebatan dan keunikan baginda yang jarang terdapat di mana-mana. Jarang ada 'kedapatan' pemimpin-pemimpin dunia yang sanggup ke hulu ke hilir, ke kampung-kampung dan pedalaman setiap minggu. Tetapi raja kita yang dikasihi telah membuktikan kesemua itu. Sebagai seorang 'working monarch' dan raja berjiwa rakyat, baginda terus mengamalkan budaya prihatin dan pemedulian. Kedua-dua budaya itu menjadi azimat baginda dan juga menjadi 'pakaian' baginda setiap hari. Baginda terus prihatin dan pemedulian kepada rakyat jelata tanpa mengira puak, keturunan, bangsa, pangkat dan sebagainya. Tetapi kesemua dipeduli dan dilayan oleh baginda dengan penuh saksama dan penuh keadilan tanpa diskriminasi. Sebab itu kitani melihat mereka yang sudah berumur 60 tahun secara 'automatik' mendapat gaji tua tanpa mengira pangkat, kedudukan dan sebagainya. Begitu juga orang-orang daif, orang susah dan mereka yang cacat anggota tetap saja diberikan elaun.

Sebagai seorang raja, ketua negara, ketua pentabdiran, ketua adat istiadat dan ketua agama Islam baginda dalam kamus harian tetap mengutamakan 'laila pembangunan dan laila kemajuan negara'. Inilah janji yang baginda titahkan semasa menaiki takhta pada 4 Oktober 1967, yang antara lain berbunyi "... Maka beta selaku sultan dengan sedaya upaya beta akan berusaha pada menjalankan dasar-dasar paduka ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan laila usaha bagi kemakmuran negara serta memelihara nama baik Negara Brunei Darussalam. Juga mementingkan laila usaha dan meninggikan taraf rakyat melalui laila rancangan dan kesejahteraan perkembangan negara yang telah dan sedang dibuat oleh paduka ayahanda dahulu. Mudah-mudahan dengan izin Allah beta juga sentiasa menjaga dan memelihara dengan tidak kendur-kendurnya laila usaha mengenai agama Islam yang benar-benar dan adat istiadat negeri Brunei."

Berkat daulat baginda, berkat dari usaha yang agung itulah, kita dapat menikmati segala macam kebajikan yang tidak ternilai, tidak dapat dihitung dengan jari. Dalam zaman pemerintahan baginda itu banyak peristiwa-peristiwa penting dan agung berlaku yang telah menjadikan NBD sebuah negara MIB yang progresif, dinamik dan berdaya saing. Selayaknya kitani selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah panji-panji baginda sentiasa bersyukur atas nikmat-nikmat yang dilimpahkan kepada Brunei menerusi kepimpinan raja yang adil lagi pemedulian. Selayaknya jua semua lapisan rakyat jelata merafakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan baginda dan kerajaan baginda. - **KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.**

# Kebawah DYMM Raja Isteri berangkat ke Pertandingan Membaca Al-Qur'an PPPBD

**Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal bin Haji Said**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna selaku Naib Yang Dipertua PPPBD, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthom dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani merakamkan gambar kenangan bersama ahli PPPBD.



KEBAWAH DYMM Raja Isteri berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Majlis/Pesuruhjaya, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim.



KEBAWAH DYMM Raja Isteri berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Tunas Puteri, Dayang Nurmunawarah binti Haji Brahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Senegara Tahun 1431 Hijriah / 2010 Masehi berlangsung di Tingkat 4, Ballroom Hua Ho Mall, Manggis, Bandar Seri Begawan di sini.

Juga berangkat Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna selaku Naib Yang Dipertua PPPBD, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthom dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Keberangkatan Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PPPBD.

Baginda dan kerabat diraja yang lain seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Majlis pada petang itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Penolong Ketua Pesuruhjaya Bahagian Keugamaan PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim dalam sembah alu-aluannya berkata bagi memantapkan lagi objektif kegiatan tahunan keagamaan, kategori-kategori pertandingan telah diubah suai di mana Kategori Pemimpin Dewasa dan Pemimpin Muda dipisahkan menjadi dua kategori iaitu Kategori Pemimpin Dewasa dan Kategori Pemimpin Muda.

Menurutnya, kategori yang baru ialah Piala Pusingan Presiden bagi Kategori Pemimpin Muda iaitu Piala Kurnia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Yang Dipertua PPPBD.

Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Daerah jelasnya telah dijalankan di daerah masing-masing, manakala Peringkat Akhir Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Senegara PPPBD tahun 1431H/2010M Kategori Tunas Puteri, Kategori Pandu Puteri dan Ranjer Puteri serta Kategori Pemimpin Muda telah diadakan di Daerah Tutong pada 14 Mei 2010 lalu.

Sementara itu tambahnya, pertandingan akhir bagi Kategori Pemimpin Dewasa dan Kategori Majlis / Pesuruhjaya telah diadakan pada 30 Mei 2010 di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa.

Di majlis tersebut para pemenang johan dari setiap kategori juga mempersembahkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an masing-masing.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli Tunas Puteri sejurus keberangkatan tiba.



KERABAT-KERABAT diraja juga berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Senegara Tahun 1431 Hijriah/2010 Masehi.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada peserta-peserta pertandingan.

Johan Kategori Pemimpin Dewasa dimenangi oleh Dayang Hajah Aisah binti Haji Muhammad, manakala Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim pula menjuarai Kategori Majlis/Pesuruhjaya.

Johan kedua-dua kategori ini membawa pulang Piala Pusingan Penaung Diraja kurnia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Sementara itu, bagi Piala Pusingan Presiden, Johan Kategori Pemimpin Muda kurnia YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dimenangi oleh Dayang Atikah binti Mirwan Batu Bara dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Bagi Kategori Pandu Puteri dan Ranjer Puteri, johan diraih oleh Dayang Fatin Afiqah binti Haji Tarip dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang menerima Piala Pusingan Naib Presiden kurnia YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Johan Kategori Tunas Puteri dimenangi oleh Dayang Nurmunawarah binti Haji Brahim dari Sekolah Nusa Laila Puteri yang membawa pulang Piala Pusingan Ketua Pesuruhjaya.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh Pasukan Pandu Puteri dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD).

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Berbanding tahun-tahun yang lalu, jumlah peserta yang mengikuti pertandingan tahun ini meningkat di mana secara keseluruhannya lebih dari 60 ahli dari seluruh negara menyertainya dan seramai 15 orang telah berjaya ke peringkat akhir dalam kategori masing-masing.

Pada tahun ini sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu Kategori Tunas Puteri (Berumur 7 hingga 12 tahun), Kategori Pandu Puteri dan Ranjer Puteri (Berumur 13 hingga 16 tahun), Kategori Pemimpin Muda (Berumur 17 hingga 21 tahun), Kategori Pemimpin Dewasa (Berumur 22 tahun ke atas) dan Kategori Majlis/ Pesuruhjaya (Berumur 30 tahun ke atas).

Pertandingan membaca Al-Qur'an merupakan salah satu kegiatan tahunan PPPBD sejak tahun 1986 bagi ahli-ahlinya yang terdiri daripada kanak-kanak perempuan hingga dewasa.

Pertandingan ini antara lain bertujuan bagi menggalakkan ahli-ahli persatuan untuk berminat dalam bacaan Al-Qur'an, di samping menjadikannya sebahagian dari amalan dan panduan hidup.

# Sejumlah BND59,892 berjaya dikutip melalui SMS Brunei Prihatin DANA tahun 2009-2010



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman menerima cek replika hasil kutipan daripada SMS Brunei Prihatin bagi DANA tahun 2009-2010 melalui Perkhidmatan Telefon Bimbit Syarikat B. Mobile *Communications* Sendirian Berhad disampaikan oleh Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat, Dayang Hajah Noorulbaiyinah binti Haji Kassim. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

**Oleh : Dk. Hajah Siti Saleha Pg. Kamaluddin (Penempatan pegawai dari Pejabat Pusat Sejarah)**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Jun. - Sumbangan hasil kutipan SMS Brunei Prihatin bagi DANA tahun 2009-2010 telah berjaya mengutip BND59,892 daripada orang ramai.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman di Majlis Penyampaian Sumbangan Hasil Kutipan SMS Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2009-2010 yang berlangsung di Tingkat Empat, Dewan Serbaguna, Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Pretty, di sini.

Daripada jumlah tersebut tetamu kehormat menerima sumbangan derma sebanyak BND24,655 melalui Syarikat Kumpulan *Data Stream Technology* (DST) yang disampaikan oleh Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusuf yang juga ahli Lembaga Pengarah Syarikat Kumpulan DST dan sebahagiannya lagi berjumlah sebanyak BND35,237 berjaya dikutip melalui Syarikat B-Mobile Sendirian Berhad yang disampaikan oleh Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat Syarikat Telekomunikasi B-Mobile Sdn. Bhd., Dayang Hajah Noorulbaiyah binti Haji Kassim.

Di samping itu, sumbangan DANA berjumlah BND27,815.20 daripada lima buah sektor swasta yang terdiri daripada sumbangan bersama Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigadier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad dan Syarikat *Starmakers* Sdn. Bhd. yang berjumlah sebanyak BND15,000 dan manakala Syarikat Suasana Mentari *Engineering Services* menyumbangkan sebanyak BND5,000. Sementara Syarikat *Expression Music* telah menyumbangkan sebanyak BND5,000, Sekolah Menengah YSHHB dengan sumbangan sebanyak BND1,815.20, manakala Persatuan Ibu Bapa Guru Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pula menyumbangkan sebanyak BND1,000.

Kesemua sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kewangan Kedua selaku ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri Kewangan, Pemangku Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Ketua Pegawai Operasi DST Group, Pengurus-pengurus Syarikat Telekomunikasi B-Mobile Sdn. Bhd., pegawai-pegawai kanan RTB dan pegawai-pegawai kanan YSHHB.

Projek tersebut telah berjalan selama 60 hari yang bermula dari 3 Disember 2009 hingga 31 Januari 2010.

Dua syarikat telekomunikasi yang telah memberikan kemudahan perkhidmatan SMS kepada para penyumbang yang membuat sumbangan kepada DANA ialah Syarikat Kumpulan DST dan Syarikat B-Mobile Communications Sdn. Bhd.

Manakala Jabatan RTB bertindak sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai melalui siaran televisyen dan semua rangkaian radio.

# Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lawat Jabatan Buruh

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa mendengar sesi taklimat sempena lawatan kerja ke Jabatan Buruh. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Jun. - Anggaran tenaga kerja pada 2008 berjumlah 188,800 orang melibatkan 46,091 pekerja sektor awam, 127,410 pekerja sektor swasta dengan 87,867 pekerja warga asing dan 39,543 terdiri daripada penduduk tempatan.

Manakala jumlah pencari kerja yang dicatatkan pada bulan Mac 2010 berjumlah 5,650 iaitu 2,437 lelaki dan 3,213 perempuan.

Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Ramlee bin Haji Jamudin menyatakan perkara itu semasa menyampaikan taklimat sempena lawatan kerja Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin ke Jabatan Buruh.

Menurut beliau, daripada jumlah berkenaan Daerah Tutong mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 2,059 orang, 1,864 orang dari Daerah Belait, 1,309 orang di Daerah Brunei dan Muara serta 418 orang dari Daerah Temburong.

Beliau menyatakan, pada tahun 2008 perangkaan pekerja asing di sektor swasta mencatatkan, Republik Indonesia merupakan yang terbanyak berjumlah 32,216 orang diikuti Republik Filipina sebanyak 16,575 orang dan 14,795 orang dari Malaysia.

Sementara itu, Pemangku Pesuruhjaya Buruh dalam taklimatnya juga menerangkan mengenai visi dan misi, struktur organisasi dan tugas serta tanggungjawab jabatan berkenaan.

Selesai sesi taklimat, Yang Berhormat juga berinteraksi dalam sesi soal jawab dan ramah mesra bersama para pegawai jabatan tersebut.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan sumbangan DANA kepada penerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA daripada penuntut Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong, Awang Abdul Wafi bin Awang Jamil. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# Pelajar cemerlang terima AIPC-DANA 2010

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Dk. Hajah Siti Saleha Pg. Kamaluddin (Penempatan pegawai dari Pejabat Pusat Sejarah)**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Jun. - Sumbangan derma yang telah diterima dan terkumpul adalah khusus untuk melaksanakan skim-skim dan projek-projek bantuan kepada anak-anak yatim sahaja.

"Sumbangan itu tidak boleh digunakan walau satu sen pun untuk kegunaan bagi skim-skim, projek-projek atau perbelanjaan-perbelanjaan lain, yang tidak berkaitan dengan anak-anak yatim di negara ini," jelas Ketua Pegawai Eksekutif, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud ketika berucap menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA (AIPC DANA) 2010.

Berucap di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Pretty, di sini,

Dato Paduka menjelaskan, antara skim-skim dan projek-projek bantuan DANA kepada anak-anak yatim yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Sekretariat Dana ialah pertama, Akaun Simpanan DANA (AS DANA), di mana setiap akaun anak yatim yang berdaftar akan dikreditkan ke dalam sumbangan awal sebanyak BND500 ke AS DANA.

Kedua tambahnya, Pelan Takaful Siswa Khas Bagi Anak-Anak Yatim (Pelan Takaful) adalah merupakan skim perlindungan takaful yang memberikan manfaat perlindungan kepada anak yatim dan ibu atau penjaga mereka dan pelan takaful itu dikendalikan bersama oleh DANA dan Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad, di mana DANA memberikan sumbangan, dalam bentuk caruman sebanyak BND20 setiap seorang anak yatim dan caruman ini akan diteruskan setiap bulan sehingga anak yatim berkenaan mencapai usia 18 tahun.

Ketiga ialah sumbangan dalam bentuk kupon untuk pembelian peralatan dan keperluan persekolahan di mana DANA juga memberikan bantuan pembelian peralatan dan keperluan persekolahan kepada anak-anak yatim dan keempat ialah AIPC-DANA yang mula diperkenalkan dalam tahun 2008 yang merupakan kali ketiga diadakan.

"Anugerah tersebut dihasratkan sebagai dorongan kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dan sebagai penyuntik semangat dan galakkan kepada mereka untuk terus berusaha khususnya dalam bidang pelajaran," jelas Ketua Pegawai Eksekutif DANA seterusnya.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini ialah Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang juga selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Kumpulan Data *Stream Technology*, Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat B-Mobile *Communications* Sendirian Berhad, para ibu bapa dan pelajar penerima AIPC DANA dan penderma-penderma.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyampaikan AIPC DANA 2010 kepada 12 pelajar terdiri daripada anak yatim yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2009.

Di antara penerima AIPC DANA ialah Dayang Nur Izzati binti Yahya dan Awang Muhammad Zainul Akhyaar bin Amer Haiurnuddin pelajar bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah Enam dan Dk. Nurul Hidayah binti Pengiran Haji Jamaluddin; Dayang Rabiatul Adawiyah binti Haji Mohd. Salleh; Awang Jonah Matin bin Jasni dan Dayang Raihanah binti Zakaria pelajar bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Para penerima AIPC DANA bagi Penilaian Menengah Bawah (PMB) ialah Dayang Noor Hazwani binti Awang Mat Kassin sementara bagi Peperiksaan Peringkat Biasa Brunei *Cambridge GCE 'O' Level* para penerimanya terdiri dari Toh Tieng Ting @ Shirley; Dayang Fatin Nurdalilia @ Munirah binti Haji Omar; Abdul Wafi bin A. Jamil; Awang Mohd. Zikri Rifa'ie bin Zulkifli dan Dayang Aqilah binti Haji Hashim.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan hasil kutipan daripada SMS Brunei Prihatin bagi DANA tahun 2009-2010 daripada beberapa penderma-penderma yang juga disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

# Amalkan gaya hidup sihat

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Jun. - Terdapat satu wabak global penyakit yang tidak berjangkit berlaku di seluruh dunia tetapi ia membimbangkan dan menakutkan sesebuah negara, masyarakat dan keluarga dalam menghadapi akibat penyakit diabetes (penyakit kencing manis), kanser, penyakit jantung dan obesiti.

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Mohd. Salleh berucap demikian di Majlis Pembukaan Minggu Kesedaran Kesihatan 2010 yang berlangsung di Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), di sini.

Jelasnya, penyakit itu tidak mendiskriminasi umur, jantina atau pendapatan dan mempengaruhi negara maju dan berkembang, termasuk kita.

"Penyakit-penyakit ini serupa dengan faktor risiko gaya hidup, iaitu diet yang tidak sihat, kekurangan atau aktiviti fizikal yang tidak mencukupi dan merokok," tambahnya.

Di samping itu katanya, ada juga disebabkan tekanan dari bekerja di dunia yang diadaptasikan dengan teknologi baru dalam menyesuaikan diri, harus menghadapi persekitaran fizikal dan sosial ekonomi yang kondusif dan pada masa yang sama, berusaha menjaga keseimbangan kerja hidup sihat semua boleh menyumbang kepada stres, faktor risiko lain untuk penyakit kronik.

Pada saat ini kata beliau, tidak hanya orang tua yang menderita hipertensi atau diabetes, orang-orang dalam kumpulan usia muda juga mengembangkan faktor risiko yang terlibat dalam usia lebih awal.

Beliau juga menyentuh mengenai di tempat kerja yang sihat bagi Perkhidmatan Awam yang diadakan antara 3 hingga 5 Mei 2010, di simposium kebangsaan yang lalu dan hasil daripada penyelidikan kesihatan bersepadu dan Program Promosi Kesihatan bagi pegawai sivil dilakukan antara enam kementerian menunjukkan bahawa sekitar 38 peratus dari pegawai sivil sekurang-kurangnya satu faktor risiko yang menempatkan mereka pada peningkatan risiko penyakit kronik.

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa obesiti 25.7 peratus, 64.3 peratus dari mereka mengalami kelebihan berat badan atau obesiti dan 55.2 peratus mempunyai tahap kolesterol yang tinggi, selanjutnya penemuan-penemuan yang abnormal sudah kelihatan di antara kumpulan usia muda, contohnya 20-29 tahun, ujarnya.

"Itulah sebabnya usaha yang kuat telah dikuatkuasakan untuk memastikan bahawa masyarakat umum menyedari dan menaruh penekanan pada pencegahan dan program pendidikan yang secara khusus menargetkan kaum muda dan anak-anak sekolah sehingga mereka dapat belajar dengan baik dan tumbuh menjadi orang dewasa yang sihat dan produktif," jelasnya.

Sementara itu, Penyelaras Gaya Hidup Sihat (*Healthy Lifestyle Coordinator*), MSPSBS, Dayang Nurul Fazilah binti Haji Mohd. Salleh dalam kata alu-aluannya berkata Minggu Kesedaran Kesihatan itu adalah salah satu inisiatif Kelab Gaya Hidup Sihat MSPSBS untuk memberikan kesedaran bagi isu-isu kesihatan dan bagi mempromosikan kebaikan gaya hidup sihat warga maktab tersebut.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan Minggu Kesedaran Kesihatan 2010 bagi MSPSBS.

Juga hadir di majlis tersebut, pemangku pengetua MSPSBS, para tenaga pengajar dan penuntut MSPSBS.

Majlis juga diserikan dengan persembahan audio visual mengenai isu-isu kesihatan yang dipersembahkan oleh beberapa penuntut MSPSBS.

Antara objektif Minggu Kesedaran Kesihatan MSPSBS yang akan berakhir pada 24 Jun 2010 itu ialah memberi panduan kepada penuntut dan warga MSPSBS ke arah cara hidup sihat dan bagi menyebarkan pengetahuan kesihatan melalui pameran dan taklimat.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Mohd. Salleh ketika berucap di Majlis Pembukaan Minggu Kesedaran Kesihatan 2010, berlangsung di Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS). - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

# Penyelidikan penting dalam amalan klinikal

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

JERUDONG. - Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Mohd. Salleh berkata penyelidikan merupakan hal penting dalam amalan klinikal selain penyebaran hasil penyelidikan tersebut dalam jurnal perubatan juga mustahak untuk menjalankan peranan bagi meningkatkan penjagaan pesakit.

Semasa melancarkan *Bengkel Kemahiran Menulis Di Bidang Perubatan* yang pertama yang diadakan di Empire Hotel di sini, pada 29 Mei lalu. Beliau berkata, perubatan, pergigian dan keperluan amalan kesihatan bersekutu juga harus terus berevolusi dan terus meningkat.

Beliau menjelaskan, saat ini di Negara Brunei Darussalam, ada banyak penemuan-penemuan saintifik dan audit telah ditemui sama ada pada simposium atau mesyuarat, baik di dalam negeri mahu pun di luar negeri.

Namun tegasnya, sumber penyelidikan yang terus meningkat itu sayangnya banyak di antaranya tidak diterbitkan dalam jurnal perubatan.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan semasa berucap di *Bengkel Kemahiran Menulis Di Bidang Perubatan*. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

Salah satu faktor penyebab terangnya, kurangnya pengalaman, penyelidikan serta pengetahuan yang terhad tentang cara menulis sama ada di kertas atau manuskrip.

Dengan adanya bengkel itu jelasnya, akan dapat membantu para doktor dan profesional kesihatan bersekutu untuk mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk menulis artikel untuk jurnal-jurnal perubatan.

Kemahiran ini meliputi pengetahuan mengenai struktur, jenis dan komponen-komponen individu serta penyusunan naskhah untuk penghantaran.

Bengkel yang dihadiri seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada doktor-doktor gigi dan profesional kesihatan selain menjemput dua orang penceramah daripada negara Malaysia dan Republik Singapura.

# Jumlah kes denggi meningkat setiap tahun



**PEGAWAI Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba bersama penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang semasa menyaksikan pameran mengenai penyakit denggi.**

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Rabu, 16 Jun. - Pemangku Pegawai Perubatan Kanan Kesihatan, Daerah Belait, Dr. Maimunah binti Haji Mokim berkata penyakit denggi merupakan salah satu penyakit tropikal yang telah memberikan bebanan ekonomi kepada lebih dari 100 buah negara di dunia tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam.

Berdasarkan laporan yang diterima oleh Bahagian Penyakit Berjangkit, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, jumlah kes denggi meningkat daripada setahun ke setahun dan tahun ini sahaja jumlah kes denggi setakat bulan Mac sebanyak 71 kes dan tiga daripadanya dari Daerah Belait, jelas Dr. Maimunah.

Justeru itu Dr. Maimunah menekankan supaya langkah-langkah untuk mengawal penyakit tersebut daripada merebak perlu diambil dengan segera. Dr. Maimunah menekankan perkara tersebut di Majlis Taklimat Denggi kepada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang yang diadakan di Pejabat Kesihatan di sini.

Dr. Maimunah seterusnya berkata salah satu strategi pengawalan tersebut dengan memberikan kefahaman mengenai dengan bahaya penyakit berkenaan dan seterusnya menerangkan cara-cara pengawalannya.

Tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba menekankan bahawa tabiat dan cara hidup yang biasa setiap hari yang mengundang ke arah kegagalan dalam melaksanakan pencegahan perlu diubah.

Pegawai Daerah menambah pengetahuan dan kefahaman memerlukan pendidikan, permakluman, tunjuk cara dan sebagainya. Untuk menyebarluaskan pengetahuan, makluman dan sebagainya, tambahnya memerlukan orang-orang yang mendukung pelaksanaannya dan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang merupakan agensi yang berperanan dalam membantu menyebarluaskan maklumat tersebut kepada masyarakat mukim dan kampung.

Taklimat anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Belait bertujuan untuk menyebarluaskan dan memberikan kefahaman kepada orang ramai pada amnya dan kepada ketua-ketua masyarakat khasnya tentang bahaya penyakit denggi.

Taklimat disasarkan kepada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang kerana kedudukan mereka sebagai pemimpin masyarakat dan sedikit sebanyak boleh membantu jabatan tersebut menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

## Menderma Tabung Bantuan Kebajikan Kesihatan

KEMENTERIAN Kesihatan mengalu-alukan orang ramai supaya menderma ke Tabung Bantuan Kebajikan Kesihatan bermula 6 Jun hingga 5 Julai 2010.

Sumbangan derma bolehlah dihantar melalui perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip DERMA (tanpa jarak) dan jumlah yang hendak disumbangkan iaitu BND1, BND5, BND10, BND15, BND20 sebagai contoh: DERMA20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar ke 38111 bagi pengguna DST dan B. Mobile. Derma ini akan disalurkan seratus peratus kepada Tabung Kebajikan Kesihatan. Sumbangan ikhlas awda adalah amat-amat dihargai.

## *Nursing Pot-pourri* tingkatkan pengetahuan para jururawat dan bidan

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**

TUNGKU. - Ke arah memastikan amalan kejururawatan dan kebidanan sejajar dengan yang dipraktikkan pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan melalui Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan (UPLK) dengan kerjasama Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan ceramah sehari yang bertajuk *Nursing Pot-pourri* buat kali ke-4, pada 28 Mei yang lalu.

Ceramah di Bilik Kuliah, Dewan Canselor, UBD itu dihadiri oleh Dekan Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Lela Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang.

Di antara objektif bengkel adalah bagi meningkatkan pengetahuan para jururawat dan bidan melalui perkongsian pengalaman, di samping menggunakan amalan terbaik yang didapati dari luar negara dan juga menyerapkan kesedaran tentang pentingnya pengalaman berdasarkan bukti dan penyelidikan.

Ceramah *Nursing Pot-pourri* ini juga dihasratkan untuk dijalankan secara bersiri sehingga ke bulan Disember tahun ini.

Lebih 20 orang penceramah turut menyampaikan dan mengongsikan pengalaman serta kemahiran melalui beberapa topik berkaitan dengan bidang pengkhususkan masing-masing.

Ceramah dibukakan kepada jururawat dan bidan yang bertugas di hospital, klinik, pusat-pusat kesihatan dan juga termasuk pelajar-pelajar daripada Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD.

Sempena memperingati *'Hari Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram'*

# Fikirkan Kesihatan - Bukannya Dadah

**Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor**

***LEBIH kurang 200 juta orang di seluruh dunia menggunakan dadah-dadah haram, iaitu bersamaan dengan lima peratus daripada penduduk global yang berumur di antara 15-64 tahun mengikut Laporan Dadah Sedunia 2006 daripada Pejabat Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBBB) berkaitan Dadah dan Jenayah (UNODC). Kanabis (ganja, hashish, THC) mendahului dengan 162 juta pengguna, manakala diikuti dengan ATS (amfetamin, methamfetamin, ekstasi, methkathinon) seramai 35 juta pengguna. Secara global, dijangka lebih kurang 16 juta orang menggunakan opiat (opium, morfin, heroin, opiat sintetik) dan lebih kurang 13 juta orang menggunakan kokain.***

DADAH adalah keperluan yang digunakan oleh manusia untuk dijadikan sebagai ubat untuk menyembuhkan penyakit. Namun demikian, apabila ia disalahgunakan akan mendatangkan keburukan kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Disebabkan keburukan inilah maka timbul usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah.

Dalam pada itu, kita harus ingat dadah yang digunakan dalam bidang perubatan adalah dadah yang mempunyai sukatan tertentu dan digunakan mengikut dos-dos yang terhad dan ianya telah diseimbangkan mengikut kaedah dan kajian yang mendalam oleh pengamal perubatan agar tidak mendatangkan sebarang kemudaratan kepada penggunanya.




Penyalahgunaan dadah merupakan sesuatu yang sangat berbahaya sehinggakan penyelesaian yang paling baik kepada penyalahgunaan dadah ialah untuk tidak mencuba menggunakan dadah sama sekali, kerana sekali mencuba boleh mengakibatkan kehancuran seumur hidup.

Lebih kurang 200 juta orang di seluruh dunia menggunakan dadah-dadah haram, iaitu bersamaan dengan lima peratus daripada penduduk global yang berumur di antara 15-64 tahun mengikut Laporan Dadah Sedunia 2006 daripada Pejabat Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkaitan dadah dan jenayah (UNODC).

Kanabis (ganja, hashish, THC) mendahului dengan 162 juta pengguna, manakala diikuti dengan ATS (amfetamin, methamfetamin, ekstasi, methkathinon) seramai 35 juta pengguna. Secara global, dijangka lebih kurang 16 juta orang menggunakan opiat (*opium, morfin, heroin, opiat sintetik*) dan lebih kurang 13 juta orang menggunakan kokain.

Di Negara Brunei Darussalam, dadah syabu merupakan dadah yang paling banyak disalahgunakan oleh penagih-penagih dadah sejak tahun 2000. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN), jumlah tangkapan bagi golongan remaja pelbagai peringkat umur di negara ini akibat penyalahgunaan dadah ialah seramai 37 orang yang terdiri daripada 30 lelaki dan tujuh perempuan telah ditahan sepanjang bulan Mac 2010 bagi kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27. Kebanyakan generasi muda di Negara Brunei Darussalam terlibat menyalahgunakan dadah adalah atas dorongan rakan sebaya atau pengaruh kawan-kawan.

## MEMPERINGATI

Bagi memperingati masyarakat global tentang usaha-usaha yang dilaksanakan dalam pembanterasan dan pengawalan dadah haram seluruh dunia, maka semua negara-negara di bawah PBB menyambut *'Hari Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram'* pada hari ini, 26 Jun setiap tahun dengan membawakan tema tahun ini *'Fikirkan Kesihatan - Bukannya Dadah.'* Dadah mempunyai kesan yang boleh menyebabkan penagihnya menanggung penyakit fizikal dan mental yang kronik sepanjang hayat. Sehingga kini tidak ada pakar-pakar perubatan yang berpendapat bahawa penyalahgunaan dadah membawa kebaikan kepada manusia sama ada bagi jangka masa pendek ataupun panjang.

Dalam kita melaksanakan tanggungjawab terhadap agama untuk memelihara, menjaga dan mendidik anak-anak, janganlah kita melupakan isu-isu semasa yang melanda dan mengancam keharmonian masyarakat dan negara seperti penyalahgunaan dadah yang telah banyak merosakkan dan memusnahkan kehidupan manusia, meruntuh kebahagiaan rumah tangga, mengancam keselamatan agama, bangsa dan negara bahkan telah terbukti banyak mengorbankan jiwa.

Dalam Khutbah Jumaat kelmarin menyentuh bahawa golongan yang terlibat dengan dadah perlu diberi sokongan, dorongan dan motivasi untuk meningkatkan ketahanan diri khususnya mereka yang dalam proses pemulihan dadah. Oleh itu, sebagai masyarakat kita adalah bertanggungjawab memberikan bimbingan dan dorongan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan, lebih-lebih lagi sebagai ibu bapa yang menjadi tunjang kekuatan keluarga, hendaklah membimbing kehidupan keluarga supaya berada dalam landasan fitrah yang betul.

Menurut khutbah itu lagi, jika peranan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, maka akan tercapailah objektif dasar dadah negara iaitu keluarga bebas dadah, sekolah bebas dadah, tempat kerja bebas dadah dan seluruh pelusuk tanah air bebas daripada dadah.

Penyalahgunaan dadah bukanlah isu baru tetapi isu yang berlarutan. Walau bagaimanapun pihak kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan telah berusaha membanteras masalah ini, akan tetapi ia tetap berleluasa hingga menjadi masalah negara. Kita perlu sedar dan peka bahawa akibat dari penyalahgunaan dadah, kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah daripada segi pembanterasan, perawatan dan pemulihan.

Oleh yang demikian, semua pihak perlu terlibat dan sama-sama bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan ini. Masyarakat memainkan peranan penting dalam membantu pihak kerajaan dengan cara melaporkan atau memberikan maklumat kepada pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) jika didapati berlaku kegiatan penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah.

Ketua-ketua jabatan, ketua-ketua masyarakat, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, guru-guru serta semua pihak adalah bertanggungjawab untuk sentiasa memantau pegawai dan kakitangan, anak buah kampung dan para pelajar yang di bawah kawalan mereka.

Dalam hal membanteras penyalahgunaan dadah ini, para ibu bapa sangat-sangatlah berperanan dalam memberikan didikan agama dan akhlak, mengawal aktiviti dan pergaulan anak-anak dan melatih mereka mendekatkan diri kepada perkara-perkara yang berfaedah dan berkebajikan seperti membiasakan diri hadir ke masjid-masjid, majlis-majlis ilmu dan lain-lain lagi aktiviti yang berfaedah. Janganlah membiarkan anak-anak hidup bebas tanpa kawalan atau hanya menegur tanpa membimbing mereka.

Ada beberapa kajian sebab seseorang itu terjebak dalam penyalahgunaan dadah, antaranya ialah kurang pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya menyalahgunakan dadah, tidak ada ketahanan diri, mudah dipujuk rayu oleh rakan sebaya yang sudah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mereka mempercayai dadah dapat menghilangkan rasa malu dan dapat meningkatkan prestasi. Di samping itu juga untuk berseronok-seronok dan ingin mencuba tetapi mereka tidak terfikir dan sedar kesan yang akan dihadapinya.

Dadah apabila disalahgunakan memang mendatangkan banyak keburukan. Maka implikasi buruk inilah telah menyebabkan wujudnya kesedaran dalam masyarakat untuk membanteras wabak ini. Malah di Negara Brunei Darussalam, wujudnya enakmen *Dangerous Drugs Enactment 1956* menunjukkan bahawa penggunaan dadah sudah mula dikawal di negara ini pada tahun 1956. Sejak itulah, enakmen-enakmen mengenai penyalahgunaan dadah telah mula menerima pindaan sehingga akta yang digunakan sekarang iaitu Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Sesuai dengan tema tahun ini di dalam khutbah tersebut juga menekankan kesan penyalahgunaan dadah maka jelaslah kepada kita bahawa dadah adalah merosakkan dan membawa akibat yang buruk. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala melarang setiap individu Muslim mendekati apa jua perkara yang boleh menyebabkan kebinasaan pada dirinya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Baqarah ayat 190, tafsir-Nya: *"Dan janganlah kamu senghaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan."*

# Kumpulan AKTIAA juara Konvensyen KKC Peringkat KKBS



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada wakil pasukan Kumpulan EFEKTIF yang menduduki tempat ketiga Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), Peringkat KKBS. - Foto : Azmah Haji Ahad.

**Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kumpulan AKTIAA yang mewakili Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Daerah Temburong muncul juara Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tahun ini.

Dengan tajuk Projek *Aktiviti Cuti Penggal Persekolahan Daerah Temburong Kurang Mendapat Sambutan,* kumpulan AKTIAA menerima hadiah BND1,000 dan sijil di pertandingan yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), pada 2 Jun lalu.

Naib juara disandang oleh Kumpulan LAGENDA dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan tajuk projek *Kesulitan Membuat Ketetapan Yang Sewajarnya Ke Atas Penerima Pencen Umur Tua Yang Didapati Tidak Bermastautin Di Negara Brunei Darussalam* dengan menerima hadiah BND700 beserta sijil.

Sementara itu, Kumpulan EFEKTIF yang mewakili Bahagian Perpustakaan DBP dengan tajuk Projek *Mengurangkan Jumlah Kesalahan Failing Unit Pentadbiran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka* menduduki tempat ketiga dengan menerima hadiah BND500 dan sijil.

Ketiga-tiga kumpulan tersebut akan mewakili KKBS ke pertandingan peringkat negara Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) tahun 2010 yang akan diadakan kemudian.

Sebanyak enam buah pasukan bersaing di pertandingan KKC peringkat KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang merupakan program tahunan sebagai satu strategi bagi mempertingkatkan produktiviti dan keberkesanan dalam menjalankan peranannya bagi mencapai hasrat untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara yang maju, aman sejahtera dan mampu bersaing di arena antarabangsa dalam semua bidang.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan perasmiannya, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid antara lain menyeru supaya para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan akan lebih banyak membuat aktiviti secara eletronik atau *on-line* melalui program E-Kerajaan yang setentunya meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada agensi-agensi luar dan orang ramai.

Justeru itu, mereka hendaklah sentiasa peka akan perkembangan teknologi infokomunikasi (ICT) dan sentiasa memastikan perkhidmatan di tahap yang bermutu tinggi kerana kehendak dan ekspektasi pelanggan akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman.

"Dalam hal ini, maklumat-maklumat di dalam Laman Sasawang *(laman web)* kementerian dan jabatan-jabatan hendaklah sentiasa di kemaskinikan dengan mengisikan maklumat-maklumat yang terkini dari semasa ke semasa," katanya.

Di samping itu, Dato Paduka turut menyarankan agar kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk meningkatkan kemudahan dalam laman web kepada yang lebih *user-friendly*.

# Kualiti teras pengurusan perkhidmatan

RIMBA. - Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) telah diadakan pada 7 Jun di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin, hadir selaku tetamu kehormat bagi perasmian Konvensyen KKC tersebut.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam dalam ucapannya menyatakan tentang kepentingan kualiti untuk dijadikan teras dalam pengurusan perkhidmatan, program atau aktiviti, dalam Visi 2035 Kementerian Kesihatan dan telah menetapkan satu objektif strategik iaitu *Innovate and Improve Quality Of Healthcare Delivery* di bawah Peta Strategi Kementerian Kesihatan.

Objektif tersebut mendukung tema strategik Sistem Penjagaan Kesihatan yang Komprehensif dan Menekankan Kecemerlangan Perkhidmatan dan ke arah ini, kaedah KKC seharusnya dapat dipergunakan dalam mencapai objektifnya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) bagi Kementerian Kesihatan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

**Oleh :
Dk. Nur'Atiqah Pg. Haji Md. Askandar
(Pelajar Tahun 3 UBD, penempatan di Jabatan Penerangan)**

"Salah satu faktor utama dalam keberkesanan sesebuah kumpulan adalah kesedian fasilitator untuk memudah cara Projek Kumpulan KKC. Ketiadaan atau kekurangan fasilitator juga akan memberi kesan terhadap penyelesaian projek-projek KKC. Dari itu, pegawai dan kakitangan di kementerian ini semestinya mempunyai pengalaman dalam kaedah KKC ini, sewajarnya tampil ke hadapan dan bersedia memberikan tunjuk ajar dan melibatkan diri secara aktif sebagai fasilitator bagi menyediakan barisan pelapis untuk jabatan-jabatan di kementerian ini," jelasnya.

Konvensyen KKC ini juga mengadakan persembahan pembentangan projek KKC dari dua buah kumpulan yang mewakili kementerian Kesihatan iaitu Kumpulan 5-Plus dari Bahagian Perkhidmatan Kejururawatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan tajuknya Troli Kecemasan tidak dikemaskinikan' dan Kumpulan Lebah dari Bahagian Rekod Perubatan Hospital RIPAS dengan tajuk *Kekerapan ketidakadaan Rekod Perubatan Pesakit Apabila Diperlukan Di Pusat Penyimpanan Rekod Perubatan Hospital RIPAS.*

Dari tahun 1999 hingga tahun 2009, sebanyak 16 KKC Peringkat Kementerian Kesihatan telah menyertai peringkat kebangsaan dan masing-masing telah meraih anugerah emas, perak dan gangsa.

# BTMK juara KKC Kementerian Pembangunan



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan yang hadir dalam Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), Kementerian Pembangunan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Projek *Pengawalan Barang Guna Habis Yang Kurang Berkesan* membawa tuah kepada Kumpulan BTMK dari Jabatan Ukur setelah memenangi Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), Kementerian Pembangunan, berlangsung di Dewan Bertabur, kementerian tersebut pada 3 Jun yang lalu.

Tempat kedua dimenangi oleh DPS juga dari jabatan yang sama dengan Projek *Kesukaran Penyediaan Keterangan dan Maklumat Ukuran Stesen Geodetik* manakala Kumpulan Elastik dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan Projek *Kelambatan Kakitangan Melaksanakan Aktiviti Kerja Bagi Proses Mengenal Pasti Tapak Projek Kerajaan dan Swasta* di tempat ketiga.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Ketiga-tiga kumpulan itu akan mewakili Kementerian Pembangunan bagi Konvensyen KKC peringkat kebangsaan yang akan diadakan nanti.

Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohamad Zin bin Haji Salleh menjelaskan KKC merupakan salah satu cara untuk meningkatkan mutu kerja, mutu perkhidmatan yang diberikan kepada semua pelanggan sama ada berupa pelanggan dalaman mahupun pelanggan luaran.

Melalui kaedah KKC katanya secara tidak langsung boleh meningkatkan kecemerlangan diri, organisasi dan malahan masyarakat keseluruhannya.

Sebagai sebuah kementerian dan jabatan-jabatan yang sentiasa berhadapan serta berurusan dengan orang awam atau pelanggan-pelanggan jelasnya, setiap jabatan ataupun kementerian ini semestinya memberikan perkhidmatan yang cepat dan tepat.

KKC juga ujarnya juga membolehkan mereka mencari penyelesaian masalah yang sering dihadapi oleh orang awam atau pelanggan dengan berkesan.

Konvensyen seumpamanya diadakan bertujuan bagi membudayakan bekerja secara berkumpulan supaya perkhidmatan yang diberikan dapat ditingkatkan, di samping untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam prestasi, kualiti dan produktiviti perkhidmatan.

Projek-projek yang dihasilkan melalui KKC boleh diguna pakai dan diserapkan dalam melaksanakan tugas-tugas seharian bagi tujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik, cepat, tepat dan mudah kepada pelanggan.

# Pendidikan agama perlu dikembangmajukan

Oleh :
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Mohamad Azri Abdullah
(Penempatan pegawai dari Pejabat Pusat Sejarah)

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menekankan perlunya guru-guru agama menegakkan dan mengembangkan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam.

"Jika pendidikan agama malap, apa akan jadi kepada negara kita sebagai sebuah negara Islam. Tentu semuanya akan jadi pudar dan tidak bermaya," tegas Yang Berhormat semasa berucap sempena lawatan kerja ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Oleh kerana itu, KUPUSB tegas Yang Berhormat lagi, mesti bekerja keras membangunkan dirinya untuk memikul tanggungjawab dan amanah yang dipikulkan ke atasnya.

Menurut Yang Berhormat, KUPUSB perlu diwujudkan dengan subur kerana beberapa perkara antaranya untuk menanai pendidikan agama di negara ini di mana zaman sudah berubah dan negara memerlukan guru-guru yang lebih berilmu dan terlatih, lebih berwibawa dan berkaliber dan mengetahui ilmu ICT.

Di samping itu, KUPUSB juga tambah Menteri Hal Ehwal Ugama, adalah untuk memenuhi keperluan kemasyarakatan orang-orang Islam di negara ini yang semakin bertambah seperti hal-hal bertahlil dan majlis-majlis keagamaan di mana dengan adanya KUPUSB, ia menjadi sokongan kuat kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan kedudukan Islam dalam perlembagaan negara.

"Warga kolej malah KHEU dan negara pada keseluruhannya patut berbangga kerana KUPUSB sangat besar kemungkinannya merupakan satu-satunya Pusat Pengajian Tinggi Peringkat Universiti mengenai perguruan agama di rantau ini, bukan mengenai pendidikan umum atau pendidikan Islam, tetapi perguruan agama.

Ditambah lagi, gelaran Seri Begawan itu sangat berharga bagi negara ini iaitu orang yang menjadi Arkitek Brunei Moden, pengasas perlembagaan, pengasas pendidikan Islam, malah merupakan guru kita semua, yang tiada sesiapa pun mempertikaikannya dan gelaran ini haruslah dijaga kerana ia sinonim dengan nama Bandar Seri Begawan," tambah Yang Berhormat seterusnya.

Pada lawatan tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama juga mendengarkan taklimat mengenai latar belakang KUPUSB disampaikan oleh Pemangku Ra'es, Dr. Haji Abdullah bin Haji Lampoh.

Yang Berhormat kemudiannya meninjau lebih dekat lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat di kolej tersebut di antaranya Makmal ICT, Surau, Perpustakaan, *Mini Theater*, Bilik Amali, Pusat Penerbitan dan Kolej Kediaman Putera.

Lawatan Kerja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Mahdi serta pegawai-pegawai kanan dari KHEU.

KUPUSB adalah lanjutan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) yang ditubuhkan pada 25 Jamadilakhir 1395 bersamaan 5 Julai 1975.

Bertitik tolak dari sini lahirnya sumber tenaga tempatan yang terlatih dalam bidang perguruan agama di negara ini. Sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijriah 1428 bersamaan dengan 20 Januari 2007, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan bahawa MPUSB ditingkatkan tarafnya menjadi sebuah universiti dengan namanya sekarang ini.

Ketika ini kolej tersebut menawarkan beberapa program-program pengajian bagi ijazah dan diploma yang lebih menjurus dalam pengajian-pengajian keagamaan seperti *syar'ah* dan *usuluddin*.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa meninjau kakitangan yang bertugas di Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). - Foto : Masri Osman.

# Tamatkan Kursus Pengukuhan Islam

Oleh :
Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

PULAIE, Sabtu, 22 Mei. - Seramai 33 peserta Kursus Pengukuhan Islam Fiqh Az-Zakat Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian II dan III di kelolakan oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah (BPD), Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menamatkan kursus mereka hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil pada majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan PDI itu ialah Ketua Unit BPD, PDI, Dayangku Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

Kursus lima hari itu diharapkan akan dapat mencapai objektif ke arah meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai Rukun Islam yang keempat selain memberikan kefahaman yang betul mengenai ibadat zakat.

Selain itu ia juga bertujuan untuk melahirkan kesedaran mengenai kewajipan mengeluarkan zakat bagi semua umat Islam.

Sepanjang kursus para peserta mempelajari pengertian zakat, dalil kewajipan zakat, hubungan zakat dengan sembahyang serta zakat dan hubungan persaudaraan.

Selain itu para peserta juga mempelajari mengenai jenis-jenis Zakat Harta Benda iaitu Zakat Binatang Ternakan, Zakat Biji-bijian dan Buah-buahan, Zakat Emas, Perak dan Wang, Zakat Harta Galian dan *Rikaz* termasuk Zakat Harta Perniagaan.

Kursus tersebut merangkumi pengertian, hukum, syarat-syarat wajib, kadar, orang yang berhak menerima Zakat Fitrah dan waktu mengeluarkan Zakat Fitrah serta Zakat Fitrah diri dan keluarga, hikmah, pentadbiran dan kaedah atau cara pengiraan zakat serta pelaksanaan zakat di negara ini.

Tenaga pengajar yang terlibat di sepanjang kursus itu terdiri dari pegawai-pegawai PDI, Drs. Haji Md. Shyahroni bin Haji Abd. Kahar bagi peserta perempuan dan Awang Anwari bin Haji Rawee bagi peserta lelaki.

Kursus Pengukuhan Islam merupakan kegiatan tahunan Unit Kursus BPD.



KETUA Unit, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Dayangku Haslina Suryani binti Pengiran Haji Piut menyampaikan sijil kepada peserta yang mengikuti Kursus Pengukuhan Islam Fiqh Az-Zakat Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian II dan III yang dikelolakan oleh PDI. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

# Berpegang teguh dengan hukum Allah

Oleh :
Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Jun. - Sesungguhnya tidak mudah untuk menjadi remaja mukmin dan mukminah yang berakhlak mulia, lebih-lebih lagi dengan pengaruh persekitaran yang lebih menjerumus kepada dunia hiburan yang melampau, hanya remaja yang mendapat taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat asuhan dan bimbingan daripada ibu bapa yang berpegang teguh dengan hukum Allah Subhanahu Wata'ala sahaja akan selamat daripada segala bencana itu.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Hasnah binti Haji Omar ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Kursus Nadwah Kemurnian Rohani Bagi Pelajar-pelajar Perempuan Menengah Bawah yang berlangsung di Dewan Persidangan, di sini.

Dayang Hajah Hasnah menjelaskan, hanya remaja-remaja yang memiliki benteng pertahanan iman serta berakhlak mulia merupakan golongan yang telah berjuang sepenuh upaya untuk menjadi remaja yang bermoral tinggi.

"Kesedaran bahawa kehidupan di zaman remaja adalah titian untuk menjadi seorang Muslim dan Muslimah yang cemerlang dan berjaya di masa akan datang akan membawa remaja itu untuk berusaha dan menimba ilmu pengetahuan," ujarnya.

Di samping itu katanya, kepentingan menuntut ilmu itu memang tidak dapat dipertikaikan lagi kerana melalui ilmu pengetahuanlah martabat insan itu akan di angkat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan masyarakat di tempat yang tinggi dan mulia, taraf kehidupan seseorang itu dapat dibezakan, keperibadian dan akhlak yang baik dapat dibentuk, kemajuan diri, masyarakat, agama dan negara dapat diraih dan kebahagiaan duniawi dan ukhrawi mampu dicapai.

Justeru itu katanya, para ibu bapa dan penjaga mestilah peka dan sedar bahawa zaman remaja anak-anak kita adalah zaman transaksi dan pertukaran ke suatu alam yang akan menentukan hala tuju anak-anak kita apabila dewasa kelak.

"Bekalan ilmu pengetahuan yang betul dan lurus mengikut lunas-lunas agama Islam akan menghasilkan generasi yang beriman dan cemerlang," jelasnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, peranan mereka yang akan menjadi jentera penggerak dalam pembangunan agama dan negara.

Oleh itu katanya, pendidikan agama, pendidikan akhlak serta asuhan yang betul adalah perlu agar remaja semua akan menjadi insan yang bertakwa yang akan mencapai kebahagiaan bukan sahaja di dunia bahkan juga mendapat lindungan dan kebahagiaan di Akhirat kelak, manakala pendidikan dan asuhan yang salah akan membawa kesan yang buruk kepada pembentukan sahsiah remaja itu.

Beliau mengingatkan, para peserta sekalian sebagai remaja yang akan melalui banyak cabaran dan dugaan haruslah berwaspada dengan setiap ancaman dan anasir negatif selain itu hendaklah berusaha mempertingkatkan kemahiran diri sesuai dengan perubahan zaman berlandaskan ajaran Islam.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyampaikan sijil dan cenderamata kepada 24 peserta kursus tersebut.

Juga hadir, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit, tenaga-tenaga pengajar, pegawai dan kakitangan PDI serta para ibu bapa dan penjaga peserta kursus.

Kursus Nadwah Kemurnian Rohani dikendalikan oleh Unit Kursus Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Menengah, Kementerian Pendidikan.

Kursus yang telah dilaksanakan selama empat hari bermula pada 7 Jun lalu diharapkan dapat diisikan dengan pelbagai pengetahuan dan pelajaran, di samping aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang pastinya memberikan kesedaran serta menjana dan mendidik sahsiah dan akhlak peserta semua.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang mengikuti Kursus Nadwah Kemurnian Rohani Bagi Pelajar-pelajar Perempuan Menengah Bawah. - Foto : Azmah Haji Ahad.

> ***"KESEDARAN bahawa kehidupan di zaman remaja adalah titian untuk menjadi seorang muslim dan muslimah yang cemerlang dan berjaya di masa akan datang akan membawa remaja itu untuk berusaha dan menimba ilmu pengetahuan."***
>
> *- Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Hasnah binti Haji Omar*

# Latihan jana motivasi tingkatkan keupayaan

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman berkata latihan kepada sumber manusia merupakan satu motivasi dan dorongan bagi meningkatkan keupayaan untuk menanggapi kerja.

Berucap ketika merasmikan Bengkel Pendigitalisasian Kamus Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 20 Mei lalu, beliau menyatakan latihan juga mewujudkan dinamika baru bagi membolehkan pekerja itu berkawan dan beradaptasi baik dengan cabaran, tantangan dan hadangan baru yang akan membudaya dalam kerja mereka nanti.

Latihan yang diberikan oleh para pakar leksikografi *Northern Illinois University* (NIU) menurutnya, akan meningkatkan kepakaran para staf DBP dalam menggarap projek leksikografi itu khususnya penanganan sistem khidmat kamus, Projek Gerbang Bahasa.

Bengkel sehari yang dikendalikan oleh Unit Perkamusan DBP itu disertai oleh para kakitangan dari unit berkenaan dan beberapa mahasiswi daripada Universiti Brunei Darussalam.

Dua pemudah cara didatangkan dari luar negara iaitu Profesor James T.Collins dan Dr. Patricia Hendry bagi menjayakan bengkel berkenaan.

Bengkel antara lain bertujuan untuk menjana kebolehan, pengetahuan praktis yang sesuai dengan lapangan dan keperluan kini dan pada masa yang sama memberi harapan baru dalam menyingkap budaya kerja yang berkembang dan berubah.



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman semasa berucap di Perasmian Bengkel Pendigitalisasian Kamus Melayu. - Foto : Ramli Tengah.**

# Taklimat Perintah-perintah Am dan Peraturan-peraturan perkhidmatan

**Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman**

RIMBA. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengadakan taklimat mengenai Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan selama empat hari bermula 20 Mei 2010 sehingga 25 Mei 2010 di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam pada hari Khamis, 20 Mei lalu.

Taklimat diadakan bertujuan untuk memberikan maklumat-maklumat kepada calon-calon yang akan menduduki peperiksaan Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.

Semasa taklimat tersebut, para peserta juga berpeluang mengajukan soalan-soalan mengenai maklumat-maklumat yang disampaikan termasuklah tatacara untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan berkenaan.

Taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada JPA mengandungi beberapa buah tajuk, antaranya Lantikan dan Kenaikan Pangkat, Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), Syarat-syarat Perkhidmatan Kontrak, Peraturan-peraturan Memangku, (Kelakuan dan Tatatertib) Syarat-syarat dan Faedah-faedah Perkhidmatan.

Pada peperiksaan bulan Jun ini, seramai 816 orang peserta menduduki peperiksaan tersebut.

Sementara itu , bagi calon-calon yang belum mengetahui jadual taklimat berkenaan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disampaikan bolehlah melayari laman web JPA di *www.jpa.gov.bn.*



**PEGAWAI daripada Jabatan Perkhidmatan Awam ketika menyampaikan taklimat mengenai Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.**

# Siemens perkenal *'Teknologi Hijau'*

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

JERUDONG, Khamis, 27 Mei. - Keupayaan untuk mencapai perkembangan berdaya tahan, di samping memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa membahayakan keperluan generasi akan datang merupakan cabaran terbesar dalam memastikan kelanjutan perniagaan.

Dalam menyahut cabaran itu, Siemens memulakan usahanya dengan memperkenalkan *'Teknologi Hijau'* kepada perniaga-peniaga tempatan di negara ini sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mengurangkan pembebasan karbon di rantau ASEAN.

Langkah tersebut dibuat dengan memperkenalkan teknologi terbaru pada Perjumpaan Pelanggan Siemens Brunei, berlangsung di Grand Ballroom, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Berucap di majlis itu, Pemangku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD), Dato Paduka Timothy Ong berkata, ekonomi di negara ini kini dalam peralihan yang disebabkan oleh perlunya untuk mempelbagaikan ekonomi, di samping memodenkan prasarana dalam memastikan kemakmuran yang dinikmati oleh penduduknya ketika ini akan bertahan hingga ke masa akan datang.

Katanya, selaku negara teknologi utama di dunia yang kaya dengan sejarah inovasi, Siemens berada dalam keadaan yang baik dengan rekod penyelesaian teknologinya untuk mendapat manfaat daripada peralihan tersebut.

Perjumpaan tersebut menghimpunkan lebih seratus pelanggan, pegawai kerajaan, pengusaha dan ahli perniagaan yang menumpukan pada pembentukan komunikasi dua hala antara Siemens dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dengannya bagi memastikan perniagaan Siemens selaras dengan keperluan pelanggan.

Siemens juga memperkenalkan struktur organisasinya yang baru kepada pihak-pihak yang berkepentingan di negara ini dengan menstruktur tiga sektor perniagaan teras iaitu industri, tenaga dan penjagaan kesihatan.

Perjumpaan seumpamanya merupakan salah satu usaha Siemens untuk mengukuhkan hubungan tempatan dengan pelanggan dan rakan kongsi.




**KETUA Pegawai Eksekutif SIEMENS bagi ASEAN Cluster Mr. Lothar Herrmann menyampaikan taklimat mengenai teknologi SIEMENS. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.**

# Bengkel Pembangunan Berkelompok tingkatkan keupayaan SMEs

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Jun. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan (EDC) dalam usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan tahap persaingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) di negara ini mengadakan Bengkel Pembangunan Berkelompok (*Cluster Development Workshop*) di Dewan Setia Pahlawan, di kementerian tersebut.

Bengkel dihadiri 80 peserta dari agensi-agensi kerajaan, akademik, BDS dan SMEs kali Ke-2 merupakan susulan dari bengkel kali pertama pada Oktober 2009 lepas.

Terdapat dua Pilot Projek dikenal pasti pada bengkel pertama, iaitu bagi Sektor Pertanian dan Agri-Makanan (pemerosesan makanan) dan Pelancongan.

Sekretariat Komanwel telah melantik seorang pakar dari Kanada, Mr. Stanley Ansong, bagi meneruskan projek tersebut untuk diselesaikan pada Jun 2010 ini berpandukan kepada bidang tugas dan skop kerja yang telah diselaraskan oleh sekretariat berkenaan.

Objektif Bengkel Pembangunan Berkelompok Kali Ke-2 ini antara lain bertujuan mengenal pasti strategi pelaksanaan pembangunan berkelompok berasaskan kepada dasar-dasar SMEs, kemudahan-kemudahan yang ada, Sumber Tenaga Manusia termasuk keupayaan SMEs melalui penganalisaan dari segi kekuatan, kelemahan, peluang-peluang dan ancaman (SWOT) secara sektoral.

Selain itu ia juga bagi memahami konsep dan langkah-langkah serta pendekatan tentang pembangunan berkelompok dengan menyediakan pelan tindakan yang strategik untuk melaksanakan program pembangunan berkelompok secara sinergi oleh semua pihak yang terlibat.

Di samping itu ia juga bagi mengenal pasti secara jelas tentang peranan-peranan yang akan dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan selaku agensi pemudah, para akademik dan penyedia perkhidmatan pembangunan perniagaan (BDS) dan SMEs.

Strategi dan mekanisma pelaksanaan pilot projek kluster pemprosesan makanan dan pelancongan dibentangkan pada bengkel ini.

# KESALAHAN IMIGRESEN
## warga asing ditahan

TEMBURONG, Jumaat, 11 Jun. - Agensi penguat kuasa yang bertugas di Pos Kawalan Imigresen Labu di Daerah Temburong telah pun menahan sebuah kereta jenis Toyota Wagon berwarna biru yang membawa tiga rakyat asing yang dipercayai cuba masuk ke negara ini menggunakan pasport palsu.

Menurut lelaki Pakistan warganegara Malaysia yang membawa dua orang rakyat asing berkenaan, mereka tidak mengecap pasport di Pos Kawalan Imigresen Mengkalap Sarawak, Malaysia semasa cuba menghadapkan pasport kepada pegawai imigresen bertugas.

Dalam Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Bandar Seri Begawan yang dikeluarkan menyatakan pegawai imigresen dan agensi penguat kuasa telah membuat penggeledahan ke atas kereta dan juga beg kepunyaan dua lelaki bangsa Timur Tengah itu.

Semasa penggeledahan ke atas salah sebuah bag pakaian tersebut, pegawai imigresen telah pun menemukan pasport Afghanistan dan pasport Malaysia yang dipunyai oleh seorang lelaki yang sama yang mengaku sebagai warganegara Afghanistan.

Kesemua warga asing yang diragui itu telah ditahan di Balai Polis Bangar Temburong dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Bandar Seri Begawan untuk siasatan lanjut.

Lelaki Pakistan, warganegara Malaysia tersebut sebelumnya pernah menjadi buruan pihak imigresen kerana membawa masuk tiga lelaki warganegara Pakistan dipercayai menggunakanpasport Malaysia yang dipalsukan iaitu pada 8 Februari 2008. Akan tetapi, lelaki tersebut berjaya melarikan diri ke negara jiran dan kes ini masih dalam siasatan.

Menurut pengakuan lelaki bangsa Afghanistan tersebut bahawa cap pas kerja di dalam pasport Afghanistan kepunyaannya itu adalah cap palsu.

Sindiket pemalsuan pasport dipercayai berpusat di Sabah dan mempunyai rangkaian sindiket di Kuala Lumpur Semenanjung Malaysia.

# Kemas kini kemahiran sejajar perkembangan jenayah rentas sempadan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada agensi kerajaan yang terlibat dalam Program Pencegahan Dadah Di Tempat Kerja berlangsung di Pos Kawalan Sungai Tujuh.

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Pendidikan Pencegahan Dadah Di Tempat Kerja sebagai sebahagian daripada strategi dalam memastikan pos kawalan dijaga dengan rapi daripada disalahgunakan oleh penyeludup membawa masuk dadah ke negara ini.

Majlis tersebut diadakan pada hari Rabu, 26 Mei yang lalu di Pos Kawalan Sungai Tujuh itu dirasmikan oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad.

Semasa berucap Yang Berhormat menyeru setiap warga kerja di pos kawalan tersebut supaya sentiasa peka dengan perkembangan jenayah dadah semasa dan menjauhi diri dari sebarang kegiatan penyalahgunaan dadah apatah lagi pos kawalan sebagai pintu keluar masuk ke negara ini.

Yang Berhormat juga menyeru mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan setiap orang yang melalui pos kawalan tersebut mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan barangan yang dibawa masuk dan keluar ke negara ini mengikut Undang-Undang Kastam dan Eksais.

Tanggungjawab tersebut kata Yang Berhormat memerlukan pegawai dan kakitangan yang memiliki tahap disiplin yang tinggi bagi mencapai misi dan visi agensi masing-masing.

Yang Berhormat menyatakan, antara ciri disiplin tersebut termasuk setiap warga kerja bebas dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

"Dadah sungguh mempengaruhi tidak mengira siapa, tidak ada seorang pun yang boleh dikatakan ada *immunity* dari dipengaruhi oleh dadah. Jika agensi kerajaan yang mengawal pos kawalan terlibat menyalahgunakan dadah sudah pasti akan menggugat keselamatan dan kawalan sempadan. Orang ramai sudah pasti akan hilang kepercayaan terhadap pegawai dan juga merasa tidak selamat," ungkap Yang Berhormat.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat berharap agar mereka tidak boleh lalai dalam tugas mengawal keselamatan negara dari anasir jahat serta hendaklah sentiasa meningkat dan mengemaskinikan segala kemahiran dan pengetahuan dalam semua aspek sejajar dengan perkembangan jenayah merentas sempadan dan keselamatan yang berlaku pada masa kini dan di masa akan datang.

Justeru itu kata Yang Berhormat, pos kawalan perlu bersikap positif dan sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia untuk bertindak dalam apa jua keadaan dan kemungkinan, di samping melengkapkan diri dalam pelbagai pengetahuan dan kemahiran agar ia sentiasa efektif dalam menangani masalah ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran alaf baru.

Program tersebut merupakan yang pertama bagi agensi kerajaan dan akan dilaratkan di agensi kerajaan yang lain di negara ini.

Ia merupakan program bersepadu melibatkan 12 agensi kerajaan yang ditempatkan di pos kawalan tersebut termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, JKE, BKN, BMR, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN), Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Bahagian Halal dan Haram, Bahagian Merinyu dan Bahagian Penapisan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perikanan, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan Jabatan Kesihatan.

Program tersebut meliputi taklimat mengenai apa dia dadah, ancaman dadah terhadap diri dan negara, situasi dadah di negara ini, ancaman sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan modus operandi penyeludupan dadah di pos kawalan.

Taklimat akan diadakan di Ibu Pejabat BKN bagi pegawai dan kakitangan di Pos Kawalan di Sungai Tujuh secara bergilir.

Selain itu pameran berkaitan dengan dadah juga diadakan termasuk program pengambilan contoh air kencing secara menyeluruh bagi semua warga yang ditugaskan di pos kawalan tersebut yang akan diadakan dari semasa ke semasa.

# Gejala sosial runtuhkan masa depan remaja

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

LUMUT. - Pegawai Kaunseling Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Ainah binti Haji Mohd. Yaakub menasihatkan para remaja supaya tidak terperdaya dengan hamburan kata-kata manis terutama daripada kenalan yang baru dikenali melalui internet bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Selain itu, beliau juga menasihatkan agar para remaja supaya berhati-hati dengan minuman yang sudah dibuka penutupnya atau yang tidak diketahui siapa pemberinya, elakkan daripada memakai pakaian yang tidak senonoh, berhati-hati dengan kawan yang tidak menghormati kawannya dan elakkan daripada berkawan dengan mereka yang tidak sebaya.

Demikian antara saranan beliau semasa memberikan ceramah isu-isu gejala sosial di kalangan remaja dan cara-cara menghindarinya yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, pada hari Isnin, 26 April yang lalu.

Beliau berkata pergaulan bebas di kalangan remaja pada ketika ini tanpa had atau di luar batas agama dan norma masyarakat boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif antaranya berlaku kes pembuangan anak, mendatang penyakit berjangkit, rogol dan hamil di luar nikah, mengaibkan maruah dan menghancurkan masa depan.

Berdasarkan statistik kemasukan penghuni ke Kompleks Rumah-Rumah Kebajikan Pulaie dari tahun 2001 hingga Ogos 2008 yang terlibat dalam beberapa kes termasuk kes susah dikawal, pelacuran, masalah keluarga, pengabaian dan rogol/penganiayaan seks hampir menjejah 260 orang.

Sementara statistik kes rogol dan sumbang mahram dari tahun 1999 hingga Jun 2008 (KRK) yang melibatkan mangsa berumur satu hingga 25 tahun adalah seramai lebih 50 orang. Daripada jumlah tersebut mereka yang berumur sebelas hingga 16 tahun merupakan mangsa yang paling ramai.

Untuk itu, beliau memberikan beberapa tips untuk mengelakkan dari pergaulan bebas antaranya menghayati ajaran agama, patuh dan hormat kepada ibu bapa, sayangi dan hargai diri sendiri, utamakan pelajaran untuk masa depan, berfikir secara rasional, kukuhkan pendirian, jaga maruah dan kehormatan, aktif dalam aktiviti sihat seperti berpersatuan dan menjadi sukarelawan/khidmat masyarakat.

Lebih 300 orang pelajar Tahun Sembilan sekolah berkenaan menghadiri ceramah yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sekolah berkenaan yang antara lain bertujuan bagi memberi kesedaran tentang bahaya gejala sosial remaja Brunei pada masa kini dan juga bagi memberi panduan dan cara-cara yang efektif dalam menangani masalah tersebut daripada berleluasa dan bertambah parah.

Melalui ceramah tersebut pihak penganjur berharap akan dapat memberi kesedaran yang abadi kepada para pelajar sekolah berkenaan dalam sama-sama membanteras segala bentuk bahaya sosial khususnya di kalangan remaja di negara ini.



PELAJAR-PELAJAR Tahun Sembilan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah menghadirkan diri di ceramah tersebut.

***PERGAULAN bebas di kalangan remaja pada ketika ini tanpa had atau di luar batas agama dan norma masyarakat boleh medatangkan pelbagai kesan negatif***

# Bawa belia berganding bahu mantapkan peranan MPM, MPK

**Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariff**



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim / Majlis Perundingan Kampung bergambar ramai bersama para penuntut yang mengikuti Program Penempatan Membentuk Rebung Keusahawanan Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Seluruh Negara berlangsung di Pusat Pembangunan Keusahawanan, Kampung Sinaut, Daerah Tutong.

TUTONG, Sabtu, 12 Jun. - Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu menyarankan agar golongan belia dibawa sama berganding bahu dalam memantapkan lagi peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPM / MPK) ke arah merealisasikan Program Sebuah Kampung Satu Produk melalui Biro Belia dan Biro Ekonomi.

Awang Haji Muhammad Suffian membuat saranan itu semasa berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Penempatan Membentuk Rebung Keusahawanan Penuntut-penuntut Sekolah Menengah seluruh negara berlangsung di Pusat Pembangunan Keusahawanan, Kampung Sinaut, di sini.

Semasa berucap beliau juga berharap agar pembelajaran penuntut-penuntut dalam bidang keusahawanan tidak akan berakhir setakat ini tetapi yang penting mereka dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman di bidang tersebut apabila ada peluang bagi memahami dengan lebih mendalam erti kerjaya seorang usahawan yang memerlukan perancangan dan penyiapan diri daripada segi mental dan pengetahuan, di samping belajar daripada orang yang telah berjaya.

Menyentuh program tersebut beliau menyifatkannya sebagai salah satu langkah positif dan mustahak dalam mendukung hasrat negara untuk mencapai tahap pembangunan dan kemajuan ekonomi yang seimbang dan taraf hidup yang lebih tinggi selaras dengan Wawasan Brunei 2035 iaitu Kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Selain dari itu katanya, program seumpama ini juga bagi menyahut seruan kerajaan ke arah menanamkan kesedaran kepada masyarakat terutama para penuntut di peringkat menengah mengenai pentingnya bidang keusahawanan dan perniagaan.

"Menjana usahawan muda merupakan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempersiapkan diri para generasi muda dan golongan belia menghadapi cabaran-cabaran kehidupan dan kepesatan dunia tanpa sempadan," ujarnya.

Beliau menambah, program seumpama ini akan dapat memberikan manfaat yang sangat tinggi dan sumbangan berharga dalam membentuk pembangunan para penuntut dan belia secara positif selain meningkatkan lagi semangat daya maju dan keusahawanan belia yang mempunyai banyak potensi yang boleh dipupuk bagi membantu mereka menjadi dewasa dengan nilai dan tingkah laku yang positif yang akan membuahkan hasil dan manfaat kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Pada majlis itu beliau juga menyampaikan sijil-sijil kepada 50 peserta yang mengikuti program enam hari bermula dari 7 Jun 2010 itu.

Program tersebut antara lain bertujuan mendedahkan para penuntut mengenai bidang keusahawan, di samping mencungkil bakat mereka untuk menjadikan bidang itu sebagai kerjaya pilihan.

BAHASA JIWA BANGSA

## ISTILAH PERFILEMAN :

| BAHASA INGGERIS | BAHASA MELAYU |
|---|---|
| characterization | perwatakan |
| checkerboard cutting | potongan papan dam |
| checkerboard technique | teknik papan dam |
| chroma key | kunci warna |
| chroma key drop | latar kunci warna |
| chroma key effect | efek kunci warna |
| chroma keying | penguncian warna |
| chromatic aberration | aberasi kromatik |
| chromaticity | kromatisiti |
| chrominance channel | saluran kekromaan/ saluran krominans |
| chrominance vector | vektor perwarnaan/ vektor krominan |
| cinch mark | kesan calar |
| cine camera | kamera sinema |
| cine mobile | wayang bergerak |
| cine photography | fotografi sinema |
| cinema circuit/ cinema chain | rangkaian pawagam |
| cinemascope perforation | tebukan sinemaskop |
| cinescope/(C-scop) | sinemaskop/(S-Skop) |
| cinematic | sinematik |
| cineroma | sineroma |
| cineplex | sinepleks |
| cinetron | sinetron |
| circle of good definition | lingkaran jelas |
| clamp amplifier | amplifier pengampit |
| clamp pulse | denyut pengampit |
| clapper board | papan pengetap |
| clean effect | kesan bersih |
| clean entrance | permulaan sempurna |
| clean sound | rakaman bunyi bersih |
| click track | trek klik |
| clip (film) | klip (filem) |
| clipper | pemotong |
| close broadcast | siaran tertutup |
| close medium shot | syot medium dekat |
| close shot | syot dekat |
| close-up | syot dekat |
| closed circuit system | sistem litar tertutup |
| closed set | set tertutup |
| closing title | tajuk penutup |
| closing tune | lagu penutup |
| C-mount | dudukan-C |
| coating of lens | penyalutan lensa |
| cobweb maker | pembuat sawang |
| co-channel interference | gangguan saluran bersama |
| code | kod/siri |
| cog | kog |
| collage | lukisan tempelan |
| colour blind | buta warna |
| colour blind film | filem buta warna |
| colour burst | letusan warna |
| colour coder | pengekod warna |
| colour compensator | pemampas warna |
| colour contrast | kontras warna |
| colour correction | perasian warna; pembetulan warna |
| colour decoder | pentafsir warna |
| colour encoder | pengesir warna; enkoder warna |
| colour film analyser | penganalisa filem warna |
| colour key | penunjuk warna/ kunci warna |
| colour match | suai warna/ padanan warna |
| colour proof | pruf warna |
| colour response | tindak balas warna |
| colour saturation | penepuan warna |
| colour sensitivity | sensitiviti warna |
| colour separation overlay (CSO) | lapisan warna pemisah; lapisan warna pemayang |
| colour sketch | lakaran warna |
| colour synthesizer | sintesis warna |
| colour wheel | roda warna |
| colourful character | watak berwarna-warni |
| combination camera | kamera kombinasi |
| combination lighting | paduan pencahayaan |
| combined print | cetak padu |
| comedian | pelawak |
| comic relief | selingan komik |
| commercial break | iklan selingan |
| compatible colour | warna sesuai |
| complementary colour | warna pelengkap |
| complementary picture amplifier | amplifier gambar pelengkap |
| complexity editing | suntingan rumit |
| composer (music) | penggubah (muzik) |
| composite dupe negative | negatif pendua komposit |
| composite shot | syot komposit |

**Bersambung**

# Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

### ADAT ORANG MELAYU

*Kita orang Melayu*
*orang Melayu Brunei*
*jangan dicampur adukkan*
*adat Brunei dengan adat*
*orang Barat.*

*Adat orang Brunei*
*adat seni adat halus*
*adat lembut adat berdisiplin*
*adat mengenang orang yang tiada*
*adat melagau indung bapa*
*adat bertuturan dengan orang tua*
*dan orang ramai.*

*Walaupun kata lisan berbunyi*
*"Biar mati anak jangan mati adat"*
*ada adat mandi belawat*
*ada adat menyiram batis*
*ada adat makan di gangsa*
*ada adat besuruh*
*ada adat ambil-ambilan*
*banyak lagi adat orang Melayu*
*di Brunei.*

*Jangan di adatkan*
*kasut, stokin dan pakaian dalam*
*naik ke atas gangsa*
*itu merosakkan adat namanya.*

### BERIKRAR JADI PEMBELA

*Kamukah digelar belia negara?*
*kamu benar-benar jadi pembela bangsa?*
*maukah kamu jadi belia contoh?*
*bolehkah kamu mengubah sikap!*
*sebagai belia menyayangi segalanya?*

*Nah!*
*sampai masanya kamu sekarang*
*bakal pengganti belia*
*yang sudah menjadi beliau.*

*Apakah kamu sangka*
*sebagai belia tidak pandai tua?*

*Apakah kamu benar-benar*
*berikrar jadi pembela?*

*Ayuh!*
*mari kita bangkit sekarang*
*untuk membuktikan*
*belia cintakan tanah air*
*ayuh ...*

### KAMUKAH BELIA PELAPIS?

*Apabila disebut belia*
*kononnya merekalah pelapis.*

*Tidak!*
*belum tentu jadi pelapis*
*yang dikatakan*
*pemuda harapan bangsa!*
*pemudi tiang negara.*

*Para belia dewasa ini*
*belum tentu boleh memimpin*
*sama ada sebaya dengannya*
*maupun teman yang lainnya.*

*Belia dewasa kini*
*belum ada tanda yang benar*
*untuk jadi pelapis bakal memimpin*
*sama negara maupun anak bangsa*
*pancir warisan tanah air.*

*Kamukah belia pelapis*
*nah! ubah sikap ubah perangai*
*adat budaya ke adat budaya asal*
*bukan meniru dan*
*jangan diubah adat tatasusila*
*warisan bangsa.*

**Yatim Budiman**

### NEGARA KEBAJIKAN

*Payung negara amat bersemangat*
*mengadun negara begitu cermat*
*menjadikan Brunei negara kebajikan*
*rakyat bersyukur menerima imbuhan*
*hanya doa dapat dihulurkan.*

*Betapa kini semakin terdedah*
*negara kebajikan kian terserlah*
*bantuan dihulur membawa cerah*
*bagi meringankan mereka yang susah*
*kilau negara semakin melimpah.*

*Itulah negara kita negara kebajikan*
*banyak sudah bantuan dihulurkan*
*kepada rakyat yang diutamakan*
*hingga menjangkau ke seberang lautan*
*tidak siapa dapat menafikan.*

*Negara dibantu tidak dipililh*
*kerana simpati terlalu terus meleleh*
*semua bangsa dan negara tetap di agih*
*betapa terasa turut bersedih.*

*Begitulah beralunnya perikemanusiaan*
*di sanalah prihatin berat menekan*
*walau saudara bukan keluarga pun bukan*
*itulah erti ketulusan persahabatan*
*begitu jelas wujudnya suatu kenyataan.*

*Bantuan dihulur tidak memilih bangsa*
*yang utama bertimbang rasa*
*walau hanya dilihat dengan mata*
*pedih dan parah nampak ketara.*

*Berita radio tidak bergambar*
*hanya suara dapat didengar*
*siaran tv lebih terpapar*
*terasa ngeri di dada berdebar.*

*Brunei negara kebajikan*
*moga selalu dilindungi Tuhan*
*terhindar dari segala keperitan*
*rakyat selamat taat beriman*
*itulah bakal di hari kemudian.*

*Kekallah Brunei negara kebajikan*
*rakyat bersyukur di dalam aman*
*limpahan rahmat dari Tuhan*
*untuk kebaikan umat sekalian*
*ke anak cucu merangkul zaman.*

### KASIH SALING BERTAUT

*Wahai bulan di awan meninggi*
*kami tetap bertapak di bumi*
*namun kasih kami tetap bersemi*
*tetap bersimpul dalam kehidupan*
*bagai kuntum sentiasa disiram.*

*Wahai bulan!*
*kau tetap berkilau di awan*
*bersama sinarmu yang gemerlapan*
*walau kami bertapak di bumi*
*sinaranmu juga dapat kami nikmati*
*begitulah usaha yang disantuni*
*sebagai rahmat yang melimpahi*
*menambah kasih bertaut di sanubari.*

*Sedangkan kami hanyalah insan*
*mengharap sinarmu yang ihsan*
*kemurahanmu yang tak ternilaikan*
*melubuk di kalbu amat dirasakan*
*kami, tiada apa yang disumbangkan.*

*Hanyalah kasih dapat menyahut*
*tetap membingkai teguh berpaut*
*demi kesetiaan tidak akan luput*
*bersama doa di mulut-mulut*
*mengucap syukur sering disebut.*

*Wahai teman sebangsa*
*selalulah berbicara mesra*
*janganlah diamalkan berat mulut*
*bila ditegur cepat di sahut*
*hormati-menghormati amat di tuntut*
*jangan sekali berkata dusta*
*'kasih bertaut' terurai lara.*

*Kasih bertaut biarlah kekal*
*bulan dan bumi bukan sejengkal*
*kita terus mengharap sinaran bulan*
*tidakkan lari membawa haluan*
*berkembangnya kasih terus bersulam.*

*Walaupun tidur berlainan tempat*
*bagai sebantal dan satu muafakat*
*entah apa bicara dan juga hasrat*
*semuanya itu mungkin sudah dicatat*
*bersama kasih saling menjerat*
*suatu hari nanti kita akan melihat.*

**M.S Sofian**

### KAMPUNG AYER

*Kampung Ayer namamu terulung sudah*
*persada dunia lagi tertawan*
*indah dan unik jadi tarikan*
*terapung-apung di air jadi persoalan.*

*Berkurun sudah lamanya kau wujud*
*kemodenan silih berganti*
*namun kau tetap utuh terbilang.*

*Kedamaianmu menggamit hati*
*kala malam tiba*
*gemerlapan lampu neon*
*membasahi wajah indahmu*
*tiada kata mampu terurai.*

### KENANGAN

*Kini hanya tinggal kenangan*
*kenangan indah suka dan duka*
*di situlah bermula cerita*
*awal dari kenangan.*

*Di situlah tawa*
*di situlah tangis*
*di situlah aku mengenal*
*di situlah aku mengerti ...*
*hidup ...*
*pengorbanan ...*
*penderitaan ...*
*kebahagiaan ... dan ...*
*duniawi ...*

*Kini kau ku tinggalkan*
*bukan kerana kebencian*
*bukan kerana paksaan*
*bukan kerana kecewa*
*namun*
*tuntutan masa ... tuntutan zaman.*

*Namun begitu*
*walau kau jauh di mata*
*tapi kau tetap dekat di hatiku*
*wahai kampung halamanku*
*Kampung Setia.*

**Tantari**

### PERAHU SI PENAMBANG

*Seperti buaya menunggu mangsa*
*berderet-deret perahu tambang*
*bersusun di pergigian tangga.*

*Terik mentari*
*bukan lagi alasan undur diri*
*terus menanti*
*menunggu penumpang turun*
*sebagai rezeki.*

*Tercalit segarit senyuman*
*berbisik suara di hati*
*" adatah sudah rezeki ku*
*tarustah ku menambang*
*anak biniku betungguan*
*usin"*
*senyuman itu ibarat penawar*
*penyeri hati yang rawan.*

*Itulah perahu tambang*
*umpama pakaian penambang*
*di siang dan malamnya*
*"anitah bajuku*
*untuk mengemis rezeki halal*
*indaku mau*
*memakaikan anakku bajuku ani*
*cukuptah aku saja"*
*berbisik lagi suara hati*
*meruntun jiwa Si Penambang.*

*Hari ini*
*perahu tambangnya*
*masih boleh berlayar*
*meniti dada Sungai Brunei*
*"tapi, mun esok*
*perahu enjinku rosak*
*apatah gayaku mencari rezeki?*
*dan hati seorang penambang*
*menjadi gusar*
*hingga persoalan itu mati*
*di hujung pelayaran.*

**Utsukushii_Tsuki**


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Kibarkan Bendera Kebangsaan dan Bendera Peribadi
Sempena Hari Keputeraan Ke-64 Tahun
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Bermula 18 Rejab1 431 hingga 19 Syaaban 1431
bersamaan
1Julai 2010 hingga 31 Julai 2010.
www.royalbirthday.org.bn
HRD
Diterbitkan oleh: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

# Kempen menanam herba di kawasan Telaga Mandian Puteri

**Berita dan Foto : Shari Haji Garib**

KAMPUNG TANJONG MAYA, Jumaat, 11 Jun. - Majlis Perundingan Kampung Tanjong Maya, Biro Wanita Tanjong Maya dan Kelab Kesusasteraan dan Kebudayaan Sekolah Menengah Sayyidina Othman Tanjong Maya mengadakan Kempen Penanaman Pokok Herba di kawasan Telaga Mandian Puteri, di sini.

Hadir dan mengepalai kempen tersebut Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Haji Osman.

Menurut Ketua Kampung Tanjong Maya, Awang Haji Mohd. Suif bin Md. Yusof selaku Pengerusi berkata kempen ini merupakan salah satu cara untuk memelihara tumbuh-tumbuhan sebagai khazanah yang perlu dijaga di kawasan Telaga Mandian Puteri, di samping untuk memanfaatkannya.

Tambahnya, kempen dan usaha penduduk kampung ini diharap akan dapat memberi faedah kepada penduduk kampung sendiri dari segi ekonomi selain dapat memperkenalkan jenis tumbuh-tumbuhan kepada generasi baru.

Sebagai langkah permulaan katanya, pada masa ini hanya terdapat tiga jenis pokok herba yang ditanam di kawasan ini iaitu Pokok Tongkat Ali, Kayu Ara Jenis Bini dan Pokok Keramunting.

Dalam pendekatan wakil PELITA BRUNEI mengenai Telaga Mandian Puteri di kawasan penanaman pokok herba itu, Awang Haji Mohd. Suif menjelaskan, kawasan tersebut mempunyai tujuh biji telaga yang tidak pernah kering walaupun pada musim kemarau panjang.

Katanya, kawasan Telaga Mandian Puteri dibuka semula pada tahun 2007 atas bantuan Jabatan Daerah Tutong setelah sekian lama tidak digunakan oleh penduduk kampung untuk mendapatkan sumber air bersih bagi kegunaan memasak, mandi dan sebagainya.

Menurut cerita orang tua-tua yang terdahulu katanya, telaga tersebut adalah tempat mandi tujuh puteri yang turun dari langit pada setiap waktu bulan purnama.

Beliau berharap lagenda itu biarlah setakat cerita dan melarang mempercayai apa-apa jua yang dianggap mempunyai kelebihan mengenai telaga tersebut.

Telaga Mandian Puteri dibukakan kepada orang ramai untuk dikunjungi bagi menikmati keindahan flora dan fauna yang ada di kawasan itu selain ia juga sunyi dari kebisingan seperti bunyi enjin kenderaan dan sebagainya.



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani menyertai Kempen Penanaman Pokok Herba bersama Majlis Perundingan Kampung Tanjong Maya.

# Wayang Pacak Muncul Kembali



SEBAHAGIAN dari orang ramai yang hadir di tayangan wayang gambar yang diadakan di Kampung Selangan, Daerah Temburong.

***TUJUAN Jabatan Penerangan mengadakan tayangan gambar ialah bagi menimbulkan nostalgia tentang sejarah silam negara yang mana ianya amat berguna dan penting diketahui oleh rakyat dan penduduk negara ini khususnya para belia.***

**Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis**

KAMPUNG SELANGAN, TEMBURONG, Ahad, 20 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dalam usahanya untuk memberikan dan menyebarkan maklumat kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam mewujudkan semula tayangan wayang gambar atau lebih dikenali sebagai wayang pacak.

Tayangan wayang gambar ini adalah merupakan mekanisme utama Jabatan Penerangan di awal tahun 50-an hingga tahun 80-an menyebarkan maklumat berhubung mengenai dengan perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Sesuai dengan peranannya sebagai '*lidah*' dan '*telinga*' kerajaan, maka Jabatan Penerangan pergi ke kampung-kampung dan pendalaman bagi menayangkan tayangan wayang gambar sambil menyalurkan pelbagai maklumat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka pada malam ini, Jabatan Penerangan mengembalikan semula tayangan wayang gambar ke kampung-kampung di mana Kampung Selangan adalah merupakan sebagai '*pilot scheme*' bagi mencapai hasrat sedemikian.

Tujuan Jabatan Penerangan mengadakan tayangan wayang gambar ini adalah bagi menimbulkan nostalgia tentang sejarah silam negara yang mana ianya amat berguna dan penting diketahui oleh rakyat dan penduduk negara ini khususnya para belia.

Selain itu ianya juga bagi mengeratkan hubungan dengan golongan di peringkat akar umbi untuk merapatkan kerjasama yang sedia ada serta mengukuhkan hubungan silaturahim bukan sahaja antara Jabatan Penerangan dengan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim tetapi umumnya juga dengan penduduk kampung berkenaan.

Maka melihat potensi sedemikian Jabatan Penerangan akan sentiasa bekerjasama dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dalam merealisasikan hasrat murni sedemikian.

Di samping sebagai alat pendidikan dan hiburan melalui program ini juga dapat menyampaikan mengenai apa-apa jua dasar dan polisi kerajaan pada masa kini. Ini secara langsung, akan mendekatkan rakyat dan kerajaan sesuai dengan misi Jabatan Penerangan sebagai penghubung dua hala di antara kerajaan dan rakyat.

Apa yang menarik dan ironinya, tayangan wayang gambar ini akan menampilkan dengan menggunakan teknologi baru sesuai dengan perkembangan tekonologi maklumat dan komunikasi atau lebih dikenali ICT. Unsur-unsur ini akan cuba ditampilkan bagi memberikan impak dan kesan yang mendalam sesuai dengan peredaran masa kini.

Filem yang akan ditayangkan ialah dokumetari '*Perayaan Di Brunei*' dan filem drama pertama di Brunei yang dihasilkan oleh anak tempatan yang bertajuk '*GEMA DARI MENARA*' yang juga dilakonkan sendiri oleh anak-anak tempatan.

Jabatan Penerangan penuh berharap agar mekanisme wayang pacak ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan terutama di kalangan para belia dan orang-orang muda.

# Fikirkan Kesihatan – bukan dadah

## Tema Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2010

**Rencana : Ihsan Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Rejab 1431/ Jun 2010**

*Think health - not drugs* atau '*Fikirkan kesihatan - bukan dadah*' adalah tema Kempen Global Antidadah tahun ini yang akan di lancarkan pada 26hb Jun 2010 sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. Kempen ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat, terutama sekali golongan muda, mengenai kesan bahaya dadah yang dikawal terhadap kesihatan.

Dadah berupaya untuk memperbaiki dan juga merosakkan kesihatan, tertakluk kepada jenis dadah yang digunakan, jumlahnya dan tujuan ianya dimakan. Misalnya, dadah *morphine* digunakan untuk menghilangkan rasa sakit, manakala dadah heroin memberi kesan ketagih yang sangat tinggi dan dadah sintetik *Methylampethemine* pula merosak organ dalam badan. Ini menunjukkan betapa perlunya kawalan terhadap dadah-dadah.

Dadah yang dikawal oleh negara-negara antarabangsa termasuk *amphetamine-type stimulants*, *cannabis*, *coca/cocaine*, *hallucinogens*, *opiates* dan *hypnotic sedatives*, kesemuanya memberi kesan terhadap fizikal yang bersifat sementara. Dadah telah terbukti menghalang perkembangan atau pertumbuhan psikologikal dan emosional terutama kepada golongan muda dan yang paling penting untuk diketahui ialah dadah mempunyai risiko ketagih yang sangat tinggi.

***KEMPEN antidadah menyeru golongan muda untuk menghargai betapa pentingnya menjaga kesihatan dengan menjauhi dadah. Golongan muda mempunyai risiko tinggi berbanding golongan dewasa. Tekanan rakan sebaya untuk mencuba dadah merupakan pengaruh yang paling kuat di samping kurang keyakinan diri 'low self-esteem.' Mereka yang kurang berpengetahuan atau mendapat maklumat yang tidak tepat tentang dadah dan bahayanya juga merupakan mereka yang berisiko tinggi.***




Melalui kempen global ini juga, ianya bertujuan untuk memberikan kefahaman bahawa masalah ketagihan dadah ada rawatannya dan harapan untuk sembuh adalah tidak mustahil dan bukan hanya sekadar menunggu maut.

Kempen antidadah menyeru golongan muda untuk menghargai betapa pentingnya menjaga kesihatan dengan menjauhi dadah. Golongan muda mempunyai risiko tinggi berbanding golongan dewasa. Tekanan rakan sebaya untuk mencuba dadah merupakan pengaruh yang paling kuat, di samping kurang keyakinan diri (*low self-esteem*). Mereka yang kurang berpengetahuan atau mendapat maklumat yang tidak tepat tentang dadah dan bahayanya juga merupakan mereka yang berisiko tinggi.

Kempen ini adalah untuk menjangkau golongan muda yang selalu menyebut tentang 'keseronokan' atau '*high*' yang dirasakan dari menggunakan dadah tetapi tidak menyedari yang ianya mengakibatkan keburukan yang lebih banyak yang berpanjangan dan merosakkan kesihatan yang berkekalan. Penyalahgunaan dadah haram sangat membimbangkan kerana mengancam kesihatan yang berkekalan. Kesan negatif berbeza mengikut jenis dadah yang disalahgunakan, dos dan kekerapan ianya digunakan.

Mengikut statistik Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, 200 juta orang menggunakan dadah sekurang kurangnya sekali setahun. 25 juta adalah bergantung kepada dadah. Setiap tahun 200,000 orang mati berkaitan dengan dadah. Membuat pilihan sihat adalah pilihan bijak sebagai langkah menolak dadah. Untuk membuat pilihan ini, golongan muda memerlukan panduan dari '*role model*' dan perlu fakta maklumat yang betul mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Kesihatan adalah satu anugerah dan yang tidak ternilai harganya. Menghargai kesihatan dengan menjauhi dadah adalah salah satu langkah pencegahan yang bukan saja berkesan tetapi besar faedahnya.

Dapatkan fakta yang tepat tentang dadah. Ketahui dadah sebenarnya, bukan sahaja tentang keburukannya malah juga faedahnya dalam meningkatkan kefahaman tentang isu global ini. Ibu bapa, guru dan semua individu mesti tahu akan rupa bentuk dan faktor yang mempengaruhi seseorang untuk menyalahgunakan dadah malah juga sentiasa peka akan situasi dan trend dadah masa kini.

# Bersama banteras penyalahgunaan dadah

MARILAH kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Di samping itu kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya yang tidak terhingga banyaknya kepada kita. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan umur yang panjang kepada kita supaya dapat menikmati kurniaan Allah itu dan dapat mengerjakan amal ibadat dan segala suruhan-Nya sehingga kita menjadi hamba-hamba-Nya yang dikasihi-Nya di dunia dan di Akhirat.

Umat Islam yang berjaya dan beruntung ialah umat yang hidup dalam suasana fitrah kemanusiaan yang selari dengan prinsip ajaran syariah Islam. Kesempurnaan syariat Islam dalam mentarbiyah kehidupan manusia meliputi aqidahnya, peribadatannya dan juga akhlaknya.

Namun dalam mengharungi kehidupan, fitrah manusia itu sering kali dicemari dan dirosakkan oleh tingkah laku dan perbuatan yang keji yang membawa kemusnahan dan kerugian kepada manusia.

Antara faktor yang membawa kemusnahan dan penyelewengan fitrah manusia ialah melibatkan diri dengan perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti minum arak, zina, judi, penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah dan sebagainya.

Penglibatan diri dengan dadah, bukan sekadar merosak akal fikiran dan pertimbangan manusia, bahkan juga menjatuhkan maruah diri sendiri, memporak-perandakan keluarga, mencemarkan martabat bangsa dan agama. Seorang penagih sanggup melakukan jenayah seperti mencuri, merompak, meragut, mencederakan orang bahkan sanggup membunuh semata-mata untuk memenuhi keperluan ketagihannya, inilah manusia yang telah merosakkan fitrah kemanusiaan mereka sendiri.




Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al Maa-idah ayat 91, tafsir-Nya:

*"Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu."*

Allah Subhanahu Wata'ala melarang setiap individu mendekati perkara yang boleh memudaratkan kesihatan dan membawa kepada kebinasaan. Malah mewajibkan kita memelihara keselamatan diri, akal, tubuh badan, harta, keturunan dan yang paling utama ialah memelihara agama. Kemudaratan semua jenis dadah adalah dilihat kepada kesan dan bukan pada namanya. Kesan kemudaratan dadah adalah sama dengan arak yang mana kedua-duanya mengkhayalkan dan merosakkan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Abu Malik Al-Asyhari bahawa ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*"Pasti akan ada manusia di kalangan umatku yang minum khamar, namun mereka menamakannya dengan nama-nama yang lain."*

Hari Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram diadakan pada setiap 26 Jun dan Kempen Dadah Sedunia pada tahun ini membawakan tema *'Fikirkan Kesihatan - Bukannya Dadah.'* Dadah mempunyai kesan yang boleh menyebabkan penagihnya menanggung penyakit fizikal dan mental yang kronik sepanjang hayat. Sehingga kini tidak ada pakar-pakar perubatan yang berpendapat bahawa penyalahgunaan dadah membawa kebaikkan kepada manusia sama ada bagi jangka masa pendek ataupun panjang.

Melihat kepada kesan penyalahgunaan dadah maka jelaslah kepada kita bahawa dadah adalah merosakkan dan membawa akibat yang buruk. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala melarang setiap individu Muslim mendekati apa jua perkara yang boleh menyebabkan kebinasaan pada dirinya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 195, tafsir-Nya:

*"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan."*

Ketahuilah bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan dan sentiasa bertindak dalam menangani masalah sosial yang melanda kehidupan rakyat di negara ini. Namun begitu perlu ditegaskan bahawa tanggungjawab melaksanakan *Amar Ma'aruf Nahi Munkar* adalah tanggungjawab kita bersama. Salah satu cara yang berkesan membantu mereka yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah dengan nikmat terapi kaunseling, iaitu proses membantu secara komunikasi dan saikologi secara sistematik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Dari aspek penerokaan kaunseling mendapati kebanyakkan dari penagih dadah tiada keyakinan pada diri mereka, kurang mempunyai nilai-nilai kekeluargaan, kurang matang dalam pengendalian kehidupan harian dan yang lebih mendukacitakan kurang dalam pendidikan agama dalam jiwa mereka. Ketahuilah bahawa golongan yang terlibat dengan dadah perlu diberi sokongan, dorongan dan motivasi untuk meningkatkan ketahanan diri khususnya mereka yang dalam proses pemulihan dadah. Oleh itu, sebagai masyarakat kita adalah bertanggungjawab memberikan bimbingan dan dorongan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan, lebih-lebih lagi sebagai ibu bapa yang menjadi tunjang kekuatan keluarga, hendaklah membimbing kehidupan keluarga supaya berada dalam landasan fitrah yang betul.

Jika peranan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, maka akan tercapailah objektif dasar dadah negara iaitu keluarga bebas dadah, sekolah bebas dadah, tempat kerja bebas dadah dan seluruh pelusuk tanah air bebas daripada dadah.

Marilah kita sama-sama peka dan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan serta kefahaman pencegahan mengenai kesan keburukan penyalahgunaan dadah. Keprihatinan dan peranan yang aktif dari semua pihak dalam membanteras gejala dadah adalah sangat-sangat diharapkan. Mudah-mudahan dengan demikian masyarakat kita bebas daripada penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga dengan adanya masyarakat terutamanya belia kita yang bebas daripada penyalahgunaan dadah, maka negara kita akan lebih dapat mencapai kemajuan dan seterusnya dapat menikmati kehidupan yang bahagia dan aman damai.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 104, tafsir-Nya:

*"Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh berbuat yang ma'aruf serta melarang daripada yang munkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."*

**ALLAH Subhanahu Wata'ala melarang setiap individu mendekati perkara yang boleh memudaratkan kesihatan dan membawa kepada kebinasaan. Malah mewajibkan kita memelihara keselamatan diri, akal, tubuh badan, harta, keturunan dan yang paling utama ialah memelihara agama.**

وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 20 جون 2010 برساماءن دڠن 13 رجب 1431 هيڠڬ كهاري جمعة 2 جولي 2010 برساماءن 19 رجب 1431 اداله سڤرت دباوه اين:-

| مسيحي جون/جولي | هاري | هجريه رجب | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | سبتو | 13 | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 10 | 6 . 36 | 12 . 25 | 3 . 51 | 6 . 36 | 7 . 52 |
| 27 | احد | 14 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 11 | 6 . 36 | 12 . 25 | 3 . 51 | 6 . 36 | 7 . 52 |
| 28 | اثنين | 15 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 11 | 6 . 36 | 12 . 25 | 3 . 51 | 6 . 36 | 7 . 52 |
| 29 | ثلاث | 16 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 11 | 6 . 36 | 12 . 25 | 3 . 51 | 6 . 36 | 7 . 52 |
| 30 | رابو | 17 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 11 | 6 . 36 | 12 . 25 | 3 . 51 | 6 . 36 | 7 . 52 |
| 1 | خميس | 18 | 4 . 38 | 4 . 48 | 6 . 11 | 6 . 37 | 12 . 26 | 3 . 51 | 6 . 37 | 7 . 52 |
| 2 | جمعة | 19 | 4 . 38 | 4 . 48 | 6 . 12 | 6 . 37 | 12 . 26 | 3 . 52 | 6 . 37 | 7 . 52 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري

# Jadikan Al-Qur'an sebagai amalan seharian

**Oleh :
Haji Ahmad Haji Salim**

MUKIM MENTIRI, Sabtu, 12 Jun. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara berkata, beruntunglah mereka yang tahu membaca Al-Qur'an dan menjadikan membaca Al-Qur'an itu sebagai amalan dalam kehidupan sehariannya.

Beliau menjelaskan, sesungguhnya membaca Al-Qur'an itu mempunyai banyak kelebihannya di mana setiap perkataan yang dibaca daripada ayat-ayat suci Al-Qur'an itu, Allah menjanjikan sepuluh kali ganda pahala baginya.

Awang Haji Jamain bin Haji Momin menjelaskan perkara itu di Majlis Peraduan Azan dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim yang disempenakan dengan Program Belia Cintakan Masjid anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Mentiri dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid yang berlangsung di masjid kampung berkenaan di sini.

Dalam ucapannya, beliau menyentuh mengenai azan, di mana azan menurut syarak ialah seruan atau pemberitahuan yang terdiri daripada rangkaian ayat tertentu yang disyariatkan dengan tujuan memberitahu dan memanggil orang ramai yang sedang sibuk menumpukan perhatian dalam mengendalikan urusan harian, leka atau sedang lalai, termasuk mereka yang sedang tidur, akan terus ingat untuk menunaikan sembahyang lima waktu juga Sembahyang Fardu Jumaat.

Beliau menjelaskan, antara fadilat azan dan kelebihan orang melaungkan azan itu antaranya ialah keampunan Allah yang banyak, di mana keampunan itu digambarkan sejauh laungan suara yang dilaungkan ketika azan dan baginya pahala sama seperti pahala orang yang sembahyang bersamanya.

Seramai sebelas peserta menyertai peraduan azan dan lapan orang menyertai Peraduan Membaca Ayat-ayat Lazim.

Dalam Peraduan Azan Bagi Kumpulan 'A' yang berumur sepuluh hingga 13 tahun tempat pertama dimenangi oleh Awang Abdus Syakur bin Haji Jahari, tempat kedua ialah Awang Mohd. Al Hafiz bin Shahminan, menduduki tempat ketiga ialah Awang Ahmad Bukhari bin Haji Aji.

Manakala Kumpulan 'B' yang berumur sembilan tahun ke bawah peraduan yang sama di tempat pertama ialah Awang Mohd. Izzul Hakim bin Chibrawi, manakala Awang Muhammad bin Haji Junaidi menduduki tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Awang Md. Danial bin Dahlan.

Sementara dalam Peraduan Membaca Ayat-ayat Lazim bagi Kumpulan 'A' berumur sepuluh hingga 13 tahun menduduki tempat pertama ialah Dayang Nur Ratiqah binti Moksin, kedua Dayang Nurnabinah Husna binti Junaidi dan Dayang Nur Afifah binti Moksin di tempat ketiga.

Bagi Kumpulan 'B' berumur sembilan tahun ke bawah bagi peraduan yang sama di tempat pertama Dayang Mimie Ayu Radiatul Syakirah binti Mohd. Jafrin. Tempat kedua pula ialah Dayang Anisa Sabrina binti Mohd. Daud dan Dayang Ummi Kalsum binti Mohd. Azwan menduduki tempat ketiga.

Hadiah-hadiah tersebut telah di sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Haji Momin.



**PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Haji Momin semasa menyampaikan hadiah di Majlis Peraduan Azan dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim yang diadakan di Masjid Kampung Mentiri. - Foto : Abd Kadir Md. Tahir.**

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

***TENDER NOTICE***

Projek : ***The Upgrade of Furniture at Teaching & Learning Areas (Part 1)***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/057/2010**
Yuran Tawaran : BND30 (Tiga puluh ringgit)
Tarikh dibuka : **30 Jun 2010**, tarikh tutup : **20 Julai 2010.**

Projek : ***The Upgrade of Teaching & Learning Areas***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/058/2010**
Yuran tawaran : BND500 (Lima ratus ringgit)
Tarikh dibuka : **30 Jun 2010,** tarikh tutup : **20 Julai 2010.**

Projek : ***The Signage Project***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/059/2010**
Yuran Tawaran : BND100 (Seratus ringgit)
Tarikh dibuka : **30 Jun 2010**, tarikh tutup : **20 Julai 2010.**

**Penghantaran Tawaran :**
**Pengerusi,**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Kementerian Pendidikan,**
**Block A, Tingkat 1,**
**Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A',**
**Berakas BB3510,**
**Negara Brunei Darussalam.**

Pengambilan Tawaran: Pejabat Bendahari, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.

Waktu mengambil tawaran : Isnin-Khamis dan Sabtu (8.00 - 11.00 pagi dan 2.00 - 3.30 petang)

Syarat-syarat tawaran:

1. Tarikh mengambil dokumen adalah seminggu sebelum tarikh tutup.
2. Bayaran yuran tawaran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian dan diterima setelah tarikh tutup tidak akan dilayan.
4. Penender akan dikenakan denda mengikut peraturan Lembaga Tawaran Negara sekiranya menarik diri atau

membatalkan tawaran / kontrak yang telah pun diluluskan atau selepas tarikh tawaran ditutup.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410.

Tel: +673 2463001 ext 2130 / 2288 Fax: +673 2460552 / 2461554

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

### JUALAN LELONG

<u>KETERANGAN BARANG, BANYAK DAN TEMPAT LELONG</u>

1. Kerusi - 32 buah.
2. Thermos Glask - 6 buah .
3. Mesin Pengambar Sharp - 1 buah.
4. Mesin Pengambar Canon - 5 buah.
5. Mesin Pengambar Minolta - 2 buah.
6. Mesin Binding - 1 buah.
7. Calculator Canon - 1 buah.
8. Mesin Document Feeder - 1 buah.
9. Manual Electronic Universal - 1 buah.
10. Electronic Typewriter - 8 buah.
11. Shredder - 1 buah.
12. Mesin Fax Panasonic - 1 buah.
13. Overhead Projector - 1 buah.
14. Motorla Radio P110 - 2 buah.
15. Panasonic M3500 - 1 buah.
16. Drafting Ploter - 1 buah.
17. Kerusi / Meja - 17 buah.

Jualan lelong harta benda Kerajaan secara sebutharga akan diadakan pada **24 Julai 2010.** Waktu bagi melihat barang lelongan pada **jam 9.30 pagi** hingga **12.00 tengah hari** (pada hari-hari bekerja).

**Syarat-syarat Tawaran:**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian **2330142 Ext 1310,1311** dan **1312** (bagi mendapatakan dokumebn tawaran dan syarat-syarat tawaran ) semasa waktu pejabat di **Bahagian Stor Am, Jabatan Penerbangan Awam.**
3. Jika pembeli hendak melihat lelongan tersebut hendaklah membuat temujanji terlebih dahulu dengan **Awang Haji Alimas bin Haji Asat, Penyelenggara Stor Tingkas Khas.**
4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebutharga akan dihubungi nanti bagi tindakan/urusan selanjutan.
5. Lelongan sebutharga yang berjaya adalah dinilai dan diberikan keutamaan berdasarakan harga tawaran yang tertinggi.
6. Kesemua tawaran sebutharga lelong hendaklah di isi dengan lengkap menggunakan borang khas dan hendaklah di masukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang bertempat di **Bahagian Stor Am, Jabatan Penerbangan Awam.** Tidak lewat pada **24 Julai 2010, hari Sabtu jam 9.30 pagi.** Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menunjukkan bilangan sebutharga dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
7. Pembeli yang berjaya dihendaki untuk membayar **secara tunai** dan seterusnya bertanggung-jawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat **(14 hari)** dari tarikh jualan tersebut.

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG - PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III DI BAWAH KATEGORI 3**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : **Hari Selasa, 6 Julai 2010.**
Tarikh Tutup : **Hari Selasa, 20 Julai 2010, jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR/DDGKB 022/2010**
**Tajuk Projek :**
MENAIKKAN TARAF PERALATAN-PERALATAN MEKANIKAL DI STESEN-STESEN PAM PEMBETUNGAN DAERAH BELAIT
Nombor Projek :
**2010ADKB/K26050-03**
Yuran Tawaran : **$50.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBO-RONG-PEMBORONG YANG BER-DAFTAR DI DALAM KELAS IV DI BAWAH KATEGORI 2 SAHAJA**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : **Hari Selasa, 6 Julai 2010.**
Tarikh Tutup : **Hari Selasa, 20 Julai 2010, jam 2.00 petang. (dilanjutkan)**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR/DBSEB 007/2010**
**Tajuk Projek :**
DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG MENUNGGOL
Nombor Projek : **JKR/DBSEB 918/4600**
Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-Dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ...") bolehlah dilihat dan di perolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadap-kan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

## PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

### JUALAN LELONG

ADALAH dimaklumkan bahawa satu jualan lelong harta benda Kerajaan kepunyaan Jabatan Perisikan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei akan diadakan pada **hari Sabtu, 3 Julai 2010,** bertempat **di Jabatan Perisikan Jenayah, Bangunan Jabatan Perisikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Gadong.**

**Syarat-syarat bagi pembeli yang berjaya adalah seperti berikut:**

1. Pembeli yang berjaya adalah dikehendaki membayar secara **wang tunai** dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.

2. Barang -Barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dari kawasan perlelongan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan akan dirampas balik dan akan dilelong semula.

Harta benda Kerajaan yang akan dilelong pada hari tersebut adalah seperti beriku:-

**<u>KETERANGAN BARANG DAN BANYAK</u>**

1. Kabinet Fail (4 drawer and 3 drawer) - 11 buah.
2. Printer (OKI Microline 591, Epson LQ1050) - 3 buah.
3. Mesin Taip Elektronik Jenis Canon - 2 buah.
4. Mesin Shredder - 1 buah.
5. Monitor (Canon, IBM, Philips) - 6 buah.
6. Typerwriter (Canon, Adler, Olympia, Olivetti) - 4 buah.
7. CPU (IBM, ACER, FUJITSU) - 4 buah.
8. Intelligent Head Technology Jenis OKI - 1 buah.
9. Mesin Penggambar (Canon AP3325, Sharp SF2027) - 2 buah.
10. Kerusi - 3 buah.
11. Calculator (Canon MP 1000) - 1 buah.
12. Mesin Scanner (HP Scanjet 6100C) - 1 buah.
13. Peti Keselematan (Delica, CHUBB) - 2 buah.
14. Printing Machine Noritsu QSS-1201V2 - 1 buah.
15. Processing Machine Noritsu QSF-450L-2 - Banyak 1
16. Meja Kayu - 2 buah.
17. Mesin Taip Olympia - 1 buah.
18. Mesin Stansel Model Gestetner 320 - 1 buah.
19. Kerusi Plastic - 4 buah.
20. Excutive Chair - 1 buah.

## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**KENYATAAN TAWARAN**
**Bilangan Tawaran :**
**BBSB/LTK/14/2010**
**Tajuk Projek :**
PROPOSED FABRICATE, SUPPLY, DELIVER, INSTALLATION OF FRANCIA/SUNBRELLA FABRIC CLASSIC SIDE POST PARASOL FOR TAMU SELERA JALAN DATO TAIB BANDAR SERI BEGAWAN
**Tarikh Tutup : Hari Khamis, 29 Jun 2010 (Sebelum 2.00 petang).**

**Syarat-syarat tawaran:**

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Kelas II atau III sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau pemborong yang berkelayakan dengan kerja yang ditawarkan.
2. Bayaran **BND100 (Satu Ratus Ringgit Sahaja)** secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen tawaran hendaklah di bayar di Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Kumbang Pasang.
4. Dokumen Tawaran dan maklumat lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Projek, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial Dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup *(sealed)* tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:

**Bilangan Tawaran :**
**BBSB/LTK/15/2010**
**Tajuk Projek :**
PROPOSED SUPPLY AND INSTALL 20MM THICK GRANITE TILE ONTO THE EXISTING WALKWAY AT TAMAN JUBLI PERAK JALAN KUMBANG PASANG BANDAR SERI BEGAWAN

6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran dan di alamatkan seperti di bawah :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,**
**Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,**
**Jalan James Pearce,**
**Bandar Seri Begawan BS 8610,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat Hari Selasa, 6 Julai 2010, (sebelum jam 2.00 Petang).**

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

### JUALAN LELONG

TAWARAN dibuka pada **28 Jun 2010, hingga 5 Julai 2010** dan tarikh melihat, **28 Jun 2010 hingga 3 Julai 2010.**

Tarikh Tutup/Jam: **5 Julai 2010, jam 9.00 pagi.**

**<u>KETERANGAN BARANG:</u>**

1. BG 6459 jenis Fuel Tanker Hino KM500 - 1
2. BG 6476 jenis Hard Top Daihatsu Rocky - 1
whell load scale Haenni - 1
3. BG 6496 jenis Hard Top Daihatsu Rocky 4WD F80 - 1
Engine analyzer sun modular - 1
4. BG6500 jenis Hard Top Daihatsu Rocky 4WD F80 - 1
Whell alignment hunter P411 - 1
5. BG 6534 jenis Flat bed Pick Ip Nissan Cabstar PF22 - 1
6. BG 6597 jenis Cargo Truck Isuzu FSR1 1F - 1
7. BG 6497 jenis Hard Top Daihatsu Rocky F80 - 1
8.BG 6599 jenis Cargo Truck Isuzu FASR 1F - 1
9.BG 6499 jenis Hard Top Daihatsu Rocky F80 - 1
10. BG 7371 jenis Tipper Truck Isuzu FTR1 1F - 1
11. BG 4239 jenis Nissan patrol Hard top - 1
12. BG 6078 jenis Tipper Truck Isuzu FTR112 - 1
13. Aikon Split A/C 2hp c/w condensing and fan coil unit - 1
Aikon Split A/C 2.5hp c/w condensing and fan coil unit - 5
Aikon Split A/C 1hp c/w condensing and fan coil unit - 1
Split A/C 3hp c/w Carrier fan coil unit and Aikon condensing unit - 1.

Tempat: Bahagian Mekanikal Sinarubai.

**<u>ALAT-ALAT PEMADAM API</u>**

14. Swordsman (Yellow) - 2
Sentry (Blue) - 1
Combat (Green) - 2
Halon (Green) - 1
Unitede Fire (Black) - 10
The Polythene Lined (White) - 7
The Norfolk Range (White) - 6
Mery Weather (White) - 2
Eversafe (Red) - 2
Hercules (Red) - 3
Eversafe (Red) - 1
Pyrewe (Red) - 3
Gas Catridge Tupe (Red) - 1
Pyene (Red) - 2
Royal (Red) - 2
TDK (White) - 1
United Fire (Blue0 - 3
Chubb Fire (Red) - 8
TDK (Red) - 1
Combat (Blue) - 8
Hart (Blue) - 1

**Tempat:**
**Bahagian Mekanikal, Sinarubai**
**Jabatan Kerja Raya,**
**Negara Brunei Darussalam.**

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**Syarat-Syarat Tawaran:**

**SEBUT HARGA adalah untuk 'THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF NEW DEC DS700 SERVER FOR AIR TRAFFIC MANAGEMENT (ATM) PROCESSING SYSTEM FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION."**

1. Sebutharga hendaklah dihantar ke Peti Sebut Harga di luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan
2. Sebutharga untuk **"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF NEW DEC DS700 SERVER FOR AIR TRAFFIC MANAGEMENT (ATM) PROCESSING SYSTEM FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION".** Bilangan Sebutharga : **ATELS/-2010/SH-10** Tarikh Tutup: **14 Julai 2010 (Hari Rabu).**

Kepada:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga,**
**d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebutharga-sebutharga hendaklah sampai kepada Peti Sebutharga tidak **lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 14 Julai 2010**. Sebutharga-sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam. Telephone : 2330142 ext 1010 / 1534 Fax : 2333666
6. Salinan sijil pendaftaran dan salinan keterangan bank pemborong / syarkat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**PROJECT TITILE : PROPOSED 350 UNITS TERRACE HOUSE FOR NATIONAL HOUSING SCHEME (CONTRACT H17,H18, H19, & H20) (PACKAGE 2) AT KG. MERAGANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROJECT NO. JKP/12/2010**

Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh tutup tawaran bagi projek yang tersebut diatas adalah dengan ini dilanjutkan seperti berikut:

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang, hari Selasa 27 Julai 2010.

1. Permohonan ikut serta tawaran

Tarikh mengambil borang mengikuti tawaran dibuka **26 mei 2010 (Rabu)**

Pindaan Tarikh tutup menghantar borang mengikuti tawaran kepada Bahagian Perancangan Projek : **21 Julai 2010 (Rabu)**

2) Dokumen & Lukisan Tawaran

Pindaan tarikh Akhir mengambil Dokumen & lukisan Tawaran dari bahagian Perancangan Projek JKP : **28 Julai 2010 (Rabu)**

Pindaan Tarikh menghantar/Tutup Tawaran: **3 Ogos 2010 (Selasa)**

Tempat Tutup : Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Tidak lewat jam 2.00 petang)

Yuran Tawaran : **$5,000 (tidak dikembalikan)**

Yuran E-Dokumen (E Dokumen dan Lukisan Tawaran) **$5.00** (Tidak dikembalikan.

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BILANGAN TAWARAN:**
**JPE/LTK/BPP/052/2010**
**TAJUK TAWARAN :**
**MAINTENANCE OF STREET LIGHTING AT MUKIM KILANAS, SENGKURONG, PENGKALAN BATU & LUMAPAS FOR A PERIOD OF 2 YEARS**

**Tarikh Tutup :**
**Hari Selasa, 29 Jun 2010, jam 2.00 petang.**
Yuran Tawaran : **B$30.00** (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :

**"TENDER BOX"**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Bahagian TENAGA,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,**
**Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910,**
**Negara Brunei Darussalam.**

Kelayakan Pemborong: Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 7(a), 7(b) dalam salah satu kelas III, IV ATAU V SAHAJA, mempunyai pekerja yang mahir berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Dokumen-Dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah di perolehi dari Kaunter Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Lantai Bawah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri

Tempat Tutup :

**"TENDER BOX"**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Bahagian TENAGA,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,**
**Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Perhatian:**
Sila sertakan Salinan Sijil Pendaftaran (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPE/LTK/PDP/059/2010**
**TAJUK TAWARAN :**
**PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN STESEN ELEKTRIK BAGI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN SUNGAI TAJAU KAMPONG WASAN**

**Tarikh Tutup :**
**Hari Selasa, 6 Julai 2010, jam 2.00 petang.**
Yuran Tawaran : **B$50.00** (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :

**"TENDER BOX"**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Bahagian TENAGA,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,**
**Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910,**
**Negara Brunei Darussalam.**

Kelayakan : Pemborongan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas IV kategori 7b & 7c sahaja.

Dokumen-Dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah di perolehi dari Bahagian Penghantaran & Pembahagian Tingkat Satu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri

Perhatian:
Sila sertakan Salinan Sijil Pendaftaran (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

## JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**BILANGAN TAWARAN : JP/L2/2010**
**TAJUK TAWARAN: "LELONG BAGI 1 SET GERBANG PENDARATAN KAPAL DI TERMINAL FERI KENDERAAN SERASA MUARA"**
**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran ini dibukakan kepada siap sahaja sama ada syarikat ataupun perseorangan.
2. Disarankan kepada semua yang berminat supaya akan dapat melihat: lelong bagi 1 Set Gerbang pendaratan Kapal Di terminal Feri kenderaan Serasa Muara" terlebih dahulu. untuk keterangan lanjut sila berhubung terus Bahagian Kejuruteraan, Jabatan pelabuhan Tel: 2770222/157.
3. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dalam sarong surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran iaitu : "LELONG BAGI 1 SET GERBANG PENDARATAN KAPAL DI TERMINAL FERI KENDERAAN SERASA MUARA" di hadapan sampul surat tanpa menunjukkan nama dan identiti pembeli atau logi syarikat.
4. Harga indikasi adalah harga yang dijadikan sebagai garis pandu harga tawaran sahaja.
5. Pembayaran harga penjualan hendaklah dijelaskan dengan wang tunai.
6. Dokumen tawaran bolehlah didapati di Bahagian Kejuruteraan, tingkat bawah, Jabatan Pelabuhan, Muara pada waktu-waktu bekerja dengan bayaran sebanyak $10.00 (tidak dikembalikan).

Tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukan ke dalam peti Tawaran yang telah disediakan.
Pada: **7 Julai 2010 (Rabu)**
Jam: 2.00 petang
Bertempat:
**Ibu Pejabat**
**Jabatan Pelabuhan**
**Tingkat Bawah**
**Kementerian Perhubungan**
**Negara Brunei Darussalam**

KETERANGAN BARANG

1. 1 Set 'Gerbang' Metal Steel Structure (Post)
Ukuran: 18000 MM X 90000 MM X 1500 MM - 1 lot

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**JUALAN LELONG**

**SYARAT-SYARAT JUALANLELONG**

1.Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar dengan secara tunai sepenuhnya dalam masa 48 jam dan tidak termasuk hari kelepasan awam.

2. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut tidak lewat 7 hari dari tarikh perlelongan dan jika gagal berbuat demikian barang-barang berkenaan akan di lelong semula/di hantar ke tempat pembuangan besi buruk atau di musnahkan dan wang tunai yang telah di jelaskan tidak akan dikembalikan.

3. Pembeli yang berjaya di kehendaki membayar cukai kastam jika di perlukan.

KETERANGAN BARANG, TEMPAT DAN TARIKH/MASA

1.**1 unit peralatan pejabat**
pada: **23 Jun 2010 Rabu, jam 9.00 pagi.**
Tempat: Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan Daerah Temburong.

2. **22 unit perabot sekolah**
Tempat: Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait
**276 unit perabot sekolah**
Tempat: Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong
Pada: 24 Jun 2010, Khamis, jam 9.00 pagi.

3. **629 buah buku-buku teks**
Tempat: Sekolah Rendah Kuala Belait
Pada: 26 Jun 2010 Sabtu, jam 9.00 pagi.

4. **38 unit peralatan/ perabot sekolah**
Tempat: Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
**22 unit peralatan pejabat**
Tempat: Unit Gaji Bulan, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan.
Pada: 29 Jun 2010 Selasa, jam 9.00 pagi.
**11 unit perabot sekolah**
Tempat: Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjung Maya, Tutong.
Pada: 29 Jun 2010 Selasa, jam 9.00 pagi.
**13 unit peralatan sekolah**
Tempat: Sekolah Rendah Bukit Sawat Ulu Belait
c)Mempunyai latihan profesional dalam bidang Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam atau sebanding.

d)Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

iv) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
v) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
vi) Peraturan-Peraturan Kewangan.

e)Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**KELAYAKAN MINIMUM BAGI B.3:**

a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perundangan Islam atau LLB (Syariah) atau LLB dan *Barrister-at-Law* atau dalam bidang besesuaian.

i)Berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Syar'ie dalam tanggagaji B..2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Kehakiman dan Perundangan atau yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

b) Mempunyai latihan profesional dalam bidang Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

c) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

d) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**PERINGATAN:**

1. Bagi iklan jawatan bilangan **8** adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA.**
2. Tarikh Iklan: **26 JUN 2010.**
3. Tarikh Tutup Permohonan: **14 JULAI 2010**.
4. Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PENGARAH PENTADBIRAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN : 62/2010.**

**PEMBERITAHUAN :**

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian (1) satu salinan sahaja borang SPA 2 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.
2. Semua permohonan adalah melalui pengisian (1) satu salinan sahaja borang SPA2 yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.
3. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.
5. Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.
6. Bilangan kekosongan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut:
   • Menelefon 2381961 sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
   • Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
   • Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu: **Website:http://www.spa.gov.bn/**

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**Syarat-syarat tawaran:**

1. SEBUTHARGA adalah untuk **"THE SUPPLY AND DELIVER OF NEW DELL VOSTRO 230 SLIM TOWER DESKTOP FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION."**
2. Sebutharga hendaklah dihantar ke Peti Sebutharga di luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan Sebutharga untuk "THE SUPPLY AND DELIVER OF NEW DELL VOSTRO 230 SLIM TOWER DESKTOP FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION".
   Bilangan Sebutharga: ATELS/2010/SH-11
   Tarikh Tutup: 14hb Julai 2010 (Hari Rabu)
   Kepada:
   Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga,
   d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,
   Jabatan Penerbangan Awam,
   Kementerian Perhubungan,
   Bandar Seri Begawan BB2513
   Negara Brunei Darussalam.
3. Sebutharga-sebutharga hendaklah sampai kepada Peti Sebutharga **tidak lewat jam 2.00 petang, Hari Rabu, 14hb Julai 2010.** Sebutharga-sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.
   Telephone : 2330142 ext 1010 / 1534
   Fax : 2333666
6. Salinan Sijil Pendaftaran dan salinan keterangan Bank pemborong/syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN: 22/ JUNE/2010/KKBS/PJK/16.9/12**
**TAJUK TAWARAN:**
**PEMBINAAN TAMAN BELIA DI KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BRUNEI DARUSSALAM**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat / Pemborong-Pemborong tempatan yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III dan IV sahaja.
2. Syarikat-Syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam semasa hari/waktu bekerja.
4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada pegawai penyelia kerja dari Unit Pengurusan Estet, Blok B, Tingkat 7 , Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam.
5. Yuran Tawaran adalah $25.00 sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').
6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di:

   Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu (depan kaunter sekuriti)
   Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
   Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110
   Negara Brunei Darussalam
   Tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa 27 Julai 2010.
7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Rabu, 17 Julai 2010, jam 11.00 pagi.
9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
10. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagianadalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor di Kementerian Pembangunan dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
11. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 11)dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 5).
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
13. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

## TAWARAN BAGI PEMBELIAN PRINT CATRIDGE BAGI KEPERLUAN PENGELUARAN KAD PENGENALAN PINTAR BILANGAN TAWARAN: 06/IMMB/06/2010

**Syarat-Syarat Tawaran:**

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat yang tersebut di bawah tidak lewat pada **6 Julai 2010, hari Selasa, jam 2.00 petang.**

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE,
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas **tidak akan dilayan.**

Anggaran pembelian yang akan diiklankan di dalam PELITA BRUNEI adalah seperti berikut:

Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (02) salinan berserta dengan borang pengakuan salinan

| BIL | JENIS BARANG | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Datacard Colour Printhead Assembly for the SP75<br>Part No. 569110-999 | 25 Units |
| 2 | Full Colour front / topcoat + black text rear / topcoat (YMCKT-KT) for Datacard Printer SP75<br>Part No. 552854-506 | 700 Rolls |
| 3 | Duraguard 0.5 mil clear laminate with Smart Card Window<br>Part No. 562751-001 | 400 Rolls |
| 4 | Cleaning Card for laminator (558436-001) | 100 Rolls |

Pendaftaran Perniagaan (*Business Registration*) dan Surat Lantikan (*Letter of Appointed*) sebagai authorized in *Datacard distributors / resellers.*

Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN : 06/IMMB/06/2010
TAWARAN BAGI PEMBELIAN PRINT CATRIDGE
BAGI KEPERLUAN PENGELUARAN KAD PENGENALAN PINTAR
TARIKH TUTUP : 6 Julai 2010

Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar Yuran Tawaran sebanyak $30.00 (tidak akan dikembalikan). Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN adalah dipelawa bagi MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN DAN PEMELIHARAAN LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM.

Tarikh mengambil dokumen tawaran:
23 Jun 2010, hari Rabu

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : 13 Julai 2010, hari Selasa

Tarikh tutup tawaran: **14 Julai 2010, hari Rabu (tidak lewat 2.00 petang)**

Yuran dokumen tawaran: $10.00/$5.00 (tidak dikembalikan)

Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI
MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN
DAN PEMELIHARAAN
LAPANGAN TERBANG,
JABATAN PENERBANGAN
AWAM

Bilangan Tawaran:
AME/2010-2011/SH-20
Kepada;
Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga
d/a Bangunan Terminal Tingkat 2,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam **tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Rabu, 14 Julai 2010**. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Syarikat-Syarikat yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Pejabat Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam dengan membayar yuran dokumen sebanyak $10.00 (*Hard Copy*) atau $5.00 (*Soft copy*) tidak dikembalikan di Bahagian Kewangan (*Ground Floor*), Jabatan Penerbangan Awam bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis
8.00 pagi - 11.00 pagi
2.00 petang - 3.00 petang
Hari Sabtu
8.00 pagi - 10.00 pagi

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Sesi taklimat tawaran (*briefing*) dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran-tawaran akan diadakan seperti berikut:

Pada: **30 Jun 2010 (hari Rabu)**

Jam: 8.00 pagi dan 1.45 petang

Tempat Berkumpul : Dewan Serbaguna, Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang,
Jabatan Penerbangan Awam,
Negara Brunei Darussalam.

---

**JABATAN PELABUHAN**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**KETERANGAN TAWARAN TENDER BAGI PROJEK-PROJEK JABATAN PELABUHAN**

**BILANGAN TAWARAN : JP/T15/2010 NAMA TAWARAN : JANITORIAL SERVICES AT JETTY PASSENGER TERMINAL BANGAR TEMBURONG**

SEBUT harga ini dibukakan kepada Syarikat tempatan yang memiliki Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 / Form X dan Lesen Rampaian yang dikeluarkan oleh Kementerian-Kementerian atau / dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Dokumen Sebut Harga bolehlah didapati di tingkat bawah di Bahagian Korporat Jabatan Pelabuhan Muara, bila-bila masa waktu pejabat dibuka. Dan pembelian dokumen sebut harga iaitu pada setiap :-

**ISNIN - KHAMIS :**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**1.30 PETANG - 2.30 PETANG**

**SABTU :**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

dengan menyertakan bayaran dokumen (dokumen *fee*) sebanyak **$20.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN**) bagi setiap tawaran.

Tarikh akhir mengambil dokumen, hari Khamis 1 Julai 2010, jam 10.00 pagi.

Lawatan ke Jetty Perahu dan Penumpang Terminal Bangar, Temburong akan diadakan pada 3 Julai 2010, hari Sabtu, jam 9.30 pagi. [SILA BAWA RESIT PEMBELIAN TENDER]

**Tarikh Tutup sebut harga pada SELASA, 6 Julai 2010, 2.00 petang.**

Sebut harga hendaklah disimpan di dalam sampul surat yang tidak menyatakan nama syarikat atau Logo Syarikat.

Di bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan dan Nama Tender berkenaan.

Sebut harga hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada :-

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN
PERHUBUNGAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebut harga yang rendah ataupun apa-apa jua sebut harga.

---

**BIRO MENCEGAH RASUAH**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI / KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN : 17 JUN 2010

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
**24 JULAI 2010**

**BILANGAN IKLAN : 1/2010**

1. PENOLONG PENYIASAT KHAS (Bahagian III)

TANGGAGAJI:
TINGKAT I - BMR 4 ($2,600 - $2,800 SEBULAN)
TINGKAT II - BMR 3 ($2,250 - $2,500 SEBULAN)
TINGKAT III - BMR 2 ($1,800 - $2,100 SEBULAN)
PERCUBAAN - BMR 1 ($1,026 - $2,100 SEBULAN)

**LANTIKAN DAN GAJI PERMULAAN**

Lantikan dan gaji permulaan adalah tertakluk kepada kelayakan dan pengalaman.

**ELAUN KHAS BMR**

$600.00 sebulan.

**KELAYAKAN AM**

a. Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Mempunyai pengetahuan kerasman agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Kebolehan dan pengetahuan dalam Bahasa/Dialek yang lain adalah satu kelebihan.

d. Mesti berumur di bawah 30 tahun pada 24 Julai 2010.

**KELAYAKAN AKADEMIK DAN PENGALAMAN**

BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang kelulusan yang bersesuaian. Keutamaan akan diberikan kepada kelulusan dalam bidang seperti tersenarai di bawah:

i. *Forensic Investigation*
ii. *Forensic Accounting*
iii. *Digital Forensics*
iv. *Islamic Banking*
v. *Information Technology*
vi. *Criminology*
vii. *Journalism*
viii. *Mass Communication*

**ATAU**

Berkhidmat dengan agensi penguat kuasa undang-undang kerajaan tidak kurang daripada empat (4) tahun dan pernah menjalankan kerja-kerja penyiasatan ataupun yang berkaitan dengannya.

**SYARAT-SYARAT KHAS**

- Dikehendaki lulus dalam ujian bertulis, ujian kecergasan, temu duga dan ujian integriti.
- Dikehendaki bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana bahagian / cawangan Biro Mencegah Rasuah.
- Dikehendaki untuk menghadiri latihan asas selama sembilan (9) bulan di luar negeri.
- Dikehendaki lulus dalam peperiksaan undang-undang yang akan dikendalikan oleh Biro Mencegah Rasuah seperti berikut:
  - Akta Pencegahan Rasuah (*Prevention of Corruption Act*)
  - Kanun Keseksaan (*Penal Code*)
  - Kod Prosedur Jenayah (*Criminal Procedure Code*)
  - Akta Keterangan (*Evidence Act*)
  - Peraturan-Peraturan Am (*General Orders*)
  - Peraturan-Peraturan Biro Mencegah Rasuah (*Standing Orders*)
  - Peraturan-Peraturan Kewangan (*Financial Regulations*)
  - Undang-Undang Am (*General Law*)

**TEMPAT UNTUK MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN**

a. TEMPAT MENGAMBIL BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan hanya boleh didapati dengan melayari laman web rasmi Biro Mencegah Rasuah di http://www.bmr.gov.bn/malay/pengambilan-baru.html

b. Borang permohonan hendaklah dikembalikan pada waktu bekerja dan tidak lewat daripada hari **Sabtu, 24 Julai 2010** kepada:

URUSETIA
JAWATANKUASA KERJA PENGAMBILAN
BIRO MENCEGAH RASUAH,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN
BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**Peringatan:**

c. Semua sijil kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan). Pemohon hendaklah juga menyertakan bersama sekeping gambar berukuran paspot dan salinan kad pengenalan.

d. Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan masing-masing. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:

i. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
ii. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
iii. Rekod Perkhidmatan pemohon.

e. Permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

# JDBM benam Jabatan Penjara 4-2

**Oleh : Abdullah Asgar**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) akhirnya merangkul Piala Johan Pahlawan setelah membenam Jabatan Penjara dengan jaringan 4-2 di perlawanan akhir Kejohanan Bolasepak Piala Johan Pahlawan 2010.

Md. Amirul Salleh menjadi wira dengan jaringan dua gol di separuh masa pertama, manakala gol ketiga dan keempat diperolehi di separuh masa kedua melalui dua rakan sepasukannya.

Perlawanan akhir kejohanan yang bermula sejak bulan April lalu itu diadakan di Kompleks Belapan dan Padang, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pada 9 Jun yang lalu.

Hadir menyampaikan piala kejohanan dan cek BND500 kepada pasukan juara ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof yang juga menyumbangkan piala kejohanan.

Naib juara Jabatan Penjara menerima cek BND300 dan di tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Kejohanan itu disertai 12 buah pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan enam pasukan masing-masing dibahagikan dalam Kumpulan A dan B.

JDBM yang juga merupakan juara Kumpulan A dengan 15 mata dan Jabatan Penjara juara Kumpulan B juga mengumpul 15 mata.

Kejohanan anjuran Majlis Perundingan Mukim Kota Batu itu dikendalikan bersama Majlis Perundingan Kampung Belimbing dan JDBM, di samping mendapat sokongan dari Jabatan Belia dan Sukan.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan menyampaikan piala kejohanan kepada wakil pasukan Jabatan Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

# Warga JPI beriadah dalam acara Sukan Ria





**PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap semasa melancarkan Sukan Ria Jabatan Pengajian Islam (JPI) Kali Kedua berlangsung di Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam (kiri) sementara kanan, para peserta ketika beraksi dalam salah satu pertandingan di Sukan Ria.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

TUNGKU, Ahad, 30 Mei. - Lebih 100 warga Jabatan Pengajian Islam (JPI) berhibur dan beriadah dalam acara Sukan Ria Kali Kedua anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Pengajian Islam pada hari pada 30 Mei lalu.

Sukan Ria yang berlangsung di Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam itu dirasmikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap.

Para peserta pertandingan dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu Kumpulan Siddiq, Kumpulan Amanah, Kumpulan Tabligh dan Kumpulan Fatanah.

Sebanyak sepuluh jenis sukan dipertandingkan dalam Sukan Ria tersebut antaranya lari berganti empat orang sepasukan, membawa *sponge* berisi air dan memasukkan air ke dalam botol berganti-ganti dalam masa lima minit, mengelicik bola secara *zig-zag* dengan memakai kain tanjong dan menendang bola ke dalam bulatan tayar.

Pengerusi Majlis, Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei IV, Awang Haji Idris bin Haji Aji menerangkan, Sukan Ria tersebut bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan JPI serta ahli keluarga.

Dengan mengadakan Sukan Ria itu katanya, ia dapat mengurangkan serba sedikit tekanan dan cabaran-cabaran kerja selain menyahut seruan visi dan misi JPI.

Di samping itu, ia juga menggalakkan ke arah gaya hidup sihat dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

# Persatuan Wushu NBD meterai perjanjian tajaan

**Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Jun. - Ke arah mempertingkat aktiviti-aktiviti wushu di negara ini ke peringkat lebih tinggi, Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam dan Butra Heidelbergcement Sendirian Berhad (BHC) telah memeterai satu perjanjian tajaan yang diadakan di Restoran Lapangan Terbang, di sini.

Hadir menyaksikan perjanjian itu, Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Menandatangani bagi pihak Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Agung persatuan itu, Lim Boon Hwa sementara BHC ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, Jean-Claude Jamar.

Terdahulu sebelum itu, Lim Boon Hwa dalam ucapannya berkata pihak persatuan akan membimbing kursus latihan pada penghujung bulan ini dan merancang untuk menghantar para atlet di Kejohanan Antarabangsa Wushu Remaja di Singapura dan Sukan Asia di Guangzhou tahun ini.

Persatuan Wushu juga katanya memperluas aktivitinya ke Daerah Belait dalam meluaskan lagi aktiviti-aktiviti wushu, di samping menarik ramai generasi muda untuk menyertai persatuan tersebut.

Sementara itu, Jean-Claude Jamar dalam ucapannya menjelaskan motif tajaan yang merupakan salah program BHC mempromosi minat orang ramai kepada sukan serta menggalakkan pembangunan masyarakat.

BHC merupakan penaja kepada Persatuan Wushu sejak penubuhannya pada 2003.

## Sukan Tarik Kalat Tradisi eratkan perpaduan dan setia kawan

**Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin**

TUTONG. - Pasukan tarik kalat MS ABDB meraih pingat emas di Perlawanan Akhir Tarik Kalat Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 setelah mengalahkan saingannya *Fire Rescue* 995 yang hanya mampu merangkul pingat perak bagi Kategori A (berat badan 70 kg ke bawah) di perlawanan yang berlangsung di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, pada 6 Jun yang lalu.

Sementara bagi Kategori B (berat badan terkumpul 1,100 bagi sepuluh orang penarik), pasukan Mega Power merasa lega apabila berjaya membawa pulang pingat emas setelah menewaskan pasukan MS ABDB dengan pingat perak dan gangsa mutlak dimiliki oleh pasukan *Cnaut Country* (A) .

Bagi Kategori C (berat badan terkumpul 600 kg bagi sepuluh orang penarik remaja berumur 19 tahun ke bawah) diraih oleh pasukan dari Kampung Bukit Panggal, diikuti oleh pasukan SMMH *Fighter* di tempat kedua, sementara tempat ketiga dan keempat masing-masing diraih oleh pasukan SMMH *Warrior* dan *Cnaut Country* (B).

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan pingat-pingat dan sijil penyertaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Acara Sukan Tarik Kalat Tradisi ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sempena Perayaan Ulang Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 bagi tahun 2010 dan dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Sungai Kelugos, Tutong.

Antara tujuan perlawanan ini ialah bagi mengeratkan setia kawan dan perpaduan di kalangan masyarakat dan penduduk yang tinggal di negara ini melalui kegiatan sukan, di samping mempromosi Sukan Tarik Kalat Tradisi Negara Brunei Darussalam ke Peringkat ASEAN dan Antarabangsa melalui *Sport Tourism*.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu menyampaikan hadiah kepada wakil johan bagi Kategori B Perlawanan Akhir Tarik Kalat Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.**

# 13 kontinjen bertanding di PSK 2010

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Jun. - Seramai 3,684 atlet dan pegawai sukan yang mewakili 13 kontinjen akan bertanding di Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-9, 2010 bermula 21 Jun hingga 3 Julai depan.

Selain kontinjen negara yang terdiri dari Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong, Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Polis Diraja Brunei, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah, Institut Pengajian Tinggi (UBD, UNISSA dan ITB, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Persatuan Bank-Bank Brunei, PSK tahun ini juga akan disertai oleh kontinjen jemputan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Limbang.

Sebanyak 28 acara sukan akan dipertandingkan dalam PSK kali ini anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) yang dikendalikan oleh Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan.

Acara-acara sukan tersebut terdiri dari akuatik, badminton, bola jaring, bola keranjang, bola lesut, bola sepak, bola tampar, boling padang, catur, futsal, gasing, golf, hoki, karatedo, lawan pedang, lumba basikal, lumba perahu, olahraga, pencak silat, ping pong, ragbi, sepak takraw, skuasy, sukan kiu, taekwondo, tarik kalat, tenis dan tenpin boling.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Ketua-ketua Kontinjen PSK tahun ini berlangsung di Dewan Serbaguna, Perkampungan Sukan, Berakas yang dipengerusikan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku Pengerusi PSK 2010.

Pesta sukan yang mula diperkenalkan oleh JBS sejak tahun 1981 itu merupakan asas ke arah memenuhi kehendak dasar sukan untuk masyarakat dan kecemerlangan sukan, yang mana ia telah dijadikan landasan bagi mengenal pasti dan mencari bakat-bakat yang berpotensi untuk diberi bimbingan dan latihan secara bersistematik untuk membolehkan mereka diketengahkan bagi mewakili negara di pertandingan-pertandingan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku Pengerusi Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) 2010 ketika mempengerusikan Mesyuarat Ketua-ketua Kontinjen PSK. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

## Kejohanan Futsal Sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM dibukakan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Jun.- Kejohanan Futsal Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun 2010 bagi merebut Piala Pusingan sumbangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan diadakan bermula 4 hingga 15 Julai 2010 bertempat di Stadium Tertutup.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Perlawanan Kejohanan Futsal Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-64 Tahun 2010 bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Persekutuan Bolasepak Negara Brunei Darussalam (FFBD).

Penyertaan dibukakan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini di ke empat-empat daerah, kampung-kampung, mukim-mukim, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, universiti-universiti, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan sukan dan belia dan kelab-kelab sukan dan belia.

Matlamat kejohanan futsal ini untuk menggalakkan semua lapisan masyarakat di negara ini meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-64 melalui sukan.

Pada masa yang sama, kejohanan ini juga bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat bergiat cergas dan aktif dalam sukan untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan.

Kejohanan ini juga dapat mencungkil bakat pemain-pemain yang berpotensi di kalangan belia untuk dipilih dan diserapkan dalam Pasukan Belia Kebangsaan atau pemain kebangsaan bagi mewakili pasukan negara selain diasuh serta dilatih bagi penyertaan dan kejayaan program sukan jangka panjang baik di peringkat kebangsaan mahu pun serantau dan antarabangsa.

Maklumat lanjut serta borang penyertaan boleh didapati di Kaunter Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada waktu bekerja.

Tarikh tutup penyertaan hari Khamis, 1 Julai 2010.






# Tingkatkan kualiti pendidikan dan latihan vokasional

**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Rangkaian dan Penyelidikan VTET 2010. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Dk. Hajah Siti Saleha Pg. Kamaluddin (Penempatan pegawai dari Pejabat Pusat Sejarah)**

GADONG, Rabu, 23 Jun. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata SEAMEO VOC-TECH telah ditubuhkan pada 28 Ogos 1990 dengan satu amanah memperkuat dan meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal di rantau ini melalui pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan berkongsi maklumat.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di Majlis Persidangan Antarabangsa Rangkaian dan Penyelidikan VTET 2010, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sehingga kini pusat tersebut telah menjalankan latihan untuk 15,000 pentadbir sekolah-sekolah, pensyarah-pensyarah dan penyelidik-penyelidik di rantau ini. Program-program yang ditawarkan di pusat tersebut katanya, iaitu Bahagian Pengurusan, Reka Bentuk Kurikulum dan Pembangunan, Program Penyegaran (*Refreshers*) dan Maklumat Komunikasi Teknologi (*Info Communication Technology* - ICT).

Sehubungan itu tambahnya, persijilan *ISO 9001-2008* pusat sejak 2005 membuktikan pengurusan kualiti program latihannya.

Yang Berhormat juga menyatakan pusat tersebut juga bekerjasama aktif dengan pertubuhan-pertubuhan lain seperti Institut Pendidikan Vokasional dan Latihan Korea (*Korea Institute of Vocational Education and Training* - KRIVET), Rangkaian Pendidikan Penyelidikan Vokasional (*Vocational Education Research Network*) daripada Asia Tenggara (SEAVERN) dan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam dalam menjalankan penyelidikan rangka kerja syarat-syarat, kemahiran kedaerahan pengiktirafan dan ICT dalam pendidikan.

Selain itu katanya selanjutnya, kejayaan pendidikan rendah sejagat di negara membangun mengenai dekad terakhir telah diterjemahkan kepada tekanan sistemik sangat besar, mengembangkan kedua-dua umum dan pendidikan menengah teknikal dan vokasional.

Kemahiran jelasnya, sering dilihat sebagai kritikal untuk pembangunan pendidikan, kemasukan pasaran buruh dan pertumbuhan ekonomi, membuat Teknikal dan Pendidikan Vokasional dan Latihan (*Training and Vocasional Education Training* - TVET) salah satu empat kawasan keutamaan dalam program pendidikan UNESCO.

Yang Berhormat menjelaskan, pengalaman tersebut diletakkan 44 pada Indeks Pembangunan Pendidikan Tinggi (*High Educational Development Index*) (EDI) daripada 128 buah negara.

Berdasarkan nilai EDI menurutnya, nilai EDI iaitu 0.970, *Primary* NER disesuaikan 0.965, Kadar Literasi Orang Dewasa (*Adult Literacy Rate*) iaitu 0.949, Jantina (*Gender*) EFA Index khusus (GEI) 0.972 dan kadar Mandiri (*Survival*) kepada gred lima 0.993, telah mencapai pendidikan untuk semua penunjuk-penunjuk sebagai menyatakan dalam EFA Laporan Pemantauan Global 2010 *(EFA Global Monitoring Report 2010)* oleh UNESCO.

"Pencapaian pendidikan rendah sejagat telah mencipta perlukan kami mengembangkan peruntukan-peruntukan menengah dan pendidikan vokasional dan teknikal di Brunei Darussalam," terangnya.

Yang Berhormat menambah, kini terdapat satu jurang dalam peruntukan tempat-tempat dalam pendidikan vokasional dan teknikal di negara ini yang terdapat dalam Rancangan Pembangunan Negara (*National Development Plan Projects*).

TVET katanya lagi ialah sebahagian daripada pendidikan untuk inisiatif semua dan melalui orientasinya ke arah dunia kerja dan pemerolehan kemahiran yang memainkan peranan penting dalam mempromosikan satu pertumbuhan ekonomi negara dan menyumbang untuk pengurangan kemiskinan serta memastikan kemasukan sosial dan ekonomi masyarakat yang dipinggirkan.

Yang Berhormat menegaskan, TVET membantu pelajar-pelajar memperolehi kemahiran, pengetahuan dan membangunkan kerjaya-kerjaya profesional dalam memasuki dunia kerja serta kewarganegaraan (*citizenship*) yang aktif dan pembelajaran sepanjang hayat.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyentuh pelaksanaan sistem pendidikan yang baru dikenali sebagai SPN21, tiga teras (THRUSTS) utama SPN21 ialah perubahan dalam rangka kerja pendidikan, perubahan dalam kurikulum dan penilaian dan perubahan dalam pendidikan teknikal dan vokasional sistem.

Rangka kerja pendidikan baru katanya membenarkan kami menyediakan beberapa laluan untuk kemajuan para pelajar melalui Rendah (*Primary*), Menengah (*Secondary*), Pendidikan Vokasional dan Teknikal (*Vocasional and Technical Education* - VTE) kepada pendidikan tinggi.

Perubahan dalam kurikulum dan penilaian jelasnya, membolehkan kami untuk menyediakan penuntut bukan sahaja dengan pengetahuan dan kemahiran tetapi yang paling penting di antara semua ialah menyediakan mereka dengan nilai-nilai Islam sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan kemahiran asas lain diperlukan dalam abad ke-21.

Perubahan ketiga dalam SPN21 terangnya, ialah perubahan dalam sistem VTE iaitu VTE tidak lagi dilihat sebagai satu pilihan kedua bagi pelajar-pelajar tetapi satu sebahagian dari landskap penting pendidikan dalam Negara Brunei Darussalam.

**Dari muka 1**

Yang Berhormat menyarankan agar sejarah perlu terus dicatat dan direkodkan untuk kesinambungan bangsa dan tamadun negara.

Menurutnya, sejarah perlu dimasyarakatkan, sebarkan, ajarkan dan tanamkan secara meluas kepada masyarakat dan generasi muda negara agar mereka dapat terus mengangkat martabat dan kegemilangan bangsa.

Seterusnya Yang Berhormat menyarankan agar kita perlu terus mempergiatkan pencarian, penyelidikan dan penulisan sejarah bangsa dan negara kerana sejarah itu sentiasa berkembang dan merupakan sebagai perjalanan.

"Kita perlu menyebarkan memasyarakatkan sejarah kepada rakyat dan penduduk terutama sekali dikalangan generasi muda dan penuntut supaya mereka menghargai dan menghayati perjuangan dan pengorbanan oleh sultan-sultan, pemimpin-pemimpin dan generasi terdahulu untuk mencapai kemerdekaan, kedaulatan, pembangunan dan kemakmuran yang mereka nikmati pada masa kini dan bagi mereka untuk mengekalkan, mempertahankan dan terus menjana pembangunan dan kemakmuran bangsa dan negara tanpa melupakan sejarah bangsa.

Sehubungan itu ujarnya, kita memerlukan lebih ramai pakar sejarah tempatan di kalangan generasi muda dan oleh yang demikian kita perlu melatih dan mendedahkan lebih ramai golongan muda dalam penulisan, penyelidikan dan penyebaran sejarah.

Di samping tambahnya, kita juga perlu untuk melaksanakan pelbagai pendekatan dan kegiatan ke arah memasyarakatkan dan menyebarluaskan sejarah tanah air secara formal dan tidak formal kepada orang ramai, generasi muda dan penuntut-penuntut sekolah.

"Ini adalah tanggungjawab sejarawan dan pakar sejarah muda untuk merancang dan melaksanakannya," terangnya.

Sepanjang lawatan kerja ke bahagian-bahagian penting di Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat telah diiringi oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Taklimat mengenai Peranan dan Tanggungjawab Pusat Sejarah Brunei disampaikan oleh Pegawai Sejarah, Dayang Mardiah binti Haji Ramli.

Pusat Sejarah Brunei merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang ditubuhkan pada 26 Januari 1982 dengan visi sebagai Pusat Sumber Persejarahan Brunei Yang Autoritatif.

Sementara misinya ialah menyelidik dan menyebarkan persejarahan Brunei, menanamkan semangat patriotik kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan mendukung falsasah Negara Melayu Islam Beraja (MIB).



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair semasa melihat bahan-bahan terbitan yang dihasil kan oleh Pusat Sejarah Brunei. - Foto : Mohd Zul Izzi Haji Duraman.**

## 17,500 ribu buah rumah akan dibina sehingga 2014

**Dari muka 1**

"Dengan cara ini pengagihan tanah bukan sahaja bagi tujuan perumahan tetapi juga bagi kegunaan yang lebih produktif seperti pertanian dan perindustrian," terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Menteri Pembangunan menambah, dengan berkuat kuasa Kanun Tanah (strata) Penggal 189 pada tahun lepas ianya akan membolehkan peserta-peserta Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) memiliki unit-unit strata ke atas jenis-jenis rumah *vertical development* yang disediakan kerajaan dengan diberikan geran strata bagi hartanah tersebut.

Justeru dengan adanya kanun tanah (strata) tersebut Yang Berhormat yakin ianya dapat membantu Jabatan Kemajuan Perumahan untuk merangka dan merancang jenis dan bentuk rumah kediaman yang mampu menjamin bekalan perumahan yang mencukupi bagi generasi-generasi yang akan datang.

Sementara itu, ke arah pentadbiran tanah yang progresif tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir pengagihan tanah tambah Yang Berhormat tidak semestinya diberatkan dan dibebankan semata-mata kepada Jabatan Tanah tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa yang lain. Menyentuh mengenai perkembangan Jabatan Tanah, Yang Berhormat berpendapat sepanjang 50 tahun ini jabatan tersebut telah berupaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta memainkan peranannya sebagai *custodian* dengan baik.

Bagaimanapun, Yang Berhormat menggesa jabatan ini supaya tidak lalai dan alpa serta merasa selesa dengan perubahan, penambahbaikan dan kemajuan yang telah dicapai kerana menurutnya banyak lagi isu-isu yang berkaitan dengan tanah yang perlu dikemaskinikan dan tunduki.

Dalam hal ini, Yang Berhormat melahirkan harapan agar Jabatan Tanah akan sentiasa meningkatkan serta mencari dan merangka beberapa pendekatan baru dan kaedah-kaedah pengurusan perancangan strategik jabatan dan sebagainya selarasnya dengan moto *'Ke arah Pentadbiran Tanah Yang Progresif'*. Menteri Pembangunan di pelancaran ini juga menyentuh mengenai sejarah perkembangan pentadbiran tanah di negara ini dengan penguatkuasaan kanun tanah pada tahun 1909 iaitu bermulanya era pertama sistem pendaftaran tanah moden sehingga era selepas negara ini mencapai kemerdekaan.

Majlis juga diselajurkan dengan Pelancaran Logo Rasmi Jabatan Tanah serta Pelancaran Setem dan Sampul Surat Hari Pertama Sempena Sambutan 100 Tahun Pentadbiran Tanah Moden.

Ceramah bertajuk *'Dimensi Baru Pentadbiran Tanah Brunei: Menyahut Cabaran Kurun Ke-21'* disampaikan oleh Profesor Haji Salleh bin Haji Buang.



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa merasmikan Majlis Sambutan Jubli Emas Jabatan Tanah. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.**

## Jabatan Penerangan buka Pusat Media PSK

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Pusat Media Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-IX, 2010 terletak di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, mula beroperasi dengan dirasmikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Mohammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Pusat Media PSK Ke-IX ini akan dibuka seawal jam 8.00 pagi hingga selesai acara terakhir yang berlangsung di sepanjang temasya ini dengan hasrat memberikan kemudahan dan maklumat terkini mengenai perkembangan temasya PSK yang akan berlangsung daripada 26 jun hingga 3 Julai 2010, depan.

Antara kemudahan yang disediakan di pusat media ini termasuklah ruang kerja media, set komputer, mesen faks dan *photo copy*, sambungan internet, penyediaan maklumat terkini serta perkembangan sukan berkenaan.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi talian 2383052 atau emel ke media-centre@brunet.bn.

**'SAKSIKAN PESTA SUKAN KEBANGSAAN 26 JUN HINGGA 3 JULAI 2010'**

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقئن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.